

Jilid II  
Bil. 18



Hari Isnin  
3hb Disember, 1984

**MALAYSIA**

**PENYATA RASMI PARLIMEN**  
PARLIAMENTARY DEBATES

**DEWAN NEGARA**  
*SENATE*

**PARLIMEN KEENAM**  
*Sixth Parliament*

**PENGGAL KEDUA**  
*Second Session*

**KANDUNGANNYA**

**MENGANGKAT SUMPAH:**

Tuan Haji Ibrahim bin Haji Ujang  
Tuan Kuan Peng Soon @ Kuan Peng Ching  
Tuan Mohd. Yusoff bin Haji Md. Nor  
Tuan Haji Mohd. Noor bin Haji Abdullah [Ruangan 2367]

**PEMASYHURAN TUAN YANG DI-PERTUA:**

Mengalu-alukan Ahli-ahli Baru [Ruangan 2367]  
Memperkenankan Akta-akta [Ruangan 2367]  
Perutusan daripada Dewan Rakyat [Ruangan 2368]

**URUSAN MESYUARAT [Ruangan 2369]**

**UCAPAN TAKZIAH KEPADA KELUARGA ALLAHYARHAM  
Y.B. TAN SRI ZAITON IBRAHIM [Ruangan 23701]**

**JAWAPAN-JAWAPAN MULUT BAGI PERTANYAAN-PERTANYAAN  
[Ruangan 2371]**

**USUL:**

Ucapan Tahniah kepada D.Y.M.M. Seri Paduka Baginda Al-Mutawakkil Alallah  
Sultan Iskandar, Yang di-Pertuan Agong Kelapan atas Perliantikkannya –  
Ikrar Taat Setia [Ruangan 2410]

**KANDUNGANNYA – (samb.)**

**RANG UNDANG-UNDANG:**

**Rang Undang-undang Perbekalan, 1985 [Ruangan 2425]**

MALAYSIA

## PARLIMEN KEENAM – DEWAN NEGARA

*Penyata Rasmi Parlimen*

### PENGGAL YANG KEDUA

#### AHLI-AHLI DEWAN NEGARA

- Yang Berhormat Tuan Yang di-Pertua, TAN SRI ISMAIL KHAN, P.M.M., P.S.M., P.N.B.S., B.K.T., P.P.T. (Dilantik)
- ” Timbalan Menteri di Jabatan Perdana Menteri, DR. MOHAMAD YUSOF BIN HAJI MOHAMAD NOOR, J.M.N., S.M.T., P.P.T. (Dilantik)
- ” Timbalan Yang di-Pertua, TAN SRI SULAIMAN BIN NINAM SHAH, P.S.M., S.P.M.J., S.S.I.J., J.M.N., B.S.I., P.I.S., J.P. (Dilantik)
- ” TUAN ABDUL GHANI BIN HAJI OTHMAN (Dilantik)
- ” Lt. Kol. (B) ABDUL HAMID BIN IBRAHIM, S.M.S., K.M.N., P.I.S. (Dilantik)
- ” TUAN HAJI ABDUL HAMID BIN HAJI LATIF (Dilantik)
- ” TUAN HAJI ABDUL JALIL BIN ABDUL RAHMAN, A.M.N., P.J.K., J.P. (Dilantik)
- ” TUAN HAJI ABDUL RAZAK BIN HAJI ABU SAMAH, A.M.N., P.J.K. (Dilantik)
- ” TUAN HAJI ABDUL WAHAB BIN HAJI ABU BAKAR, A.M.N. (Dilantik)
- ” TOH MUDA DR. ABDULLAH FADZIL BIN CHE WAN, P.C.M. (Dilantik)
- ” TUAN HAJI ABU BAKAR BIN LAJIM (Dilantik)
- ” TUAN AHMAD BIN OTHMAN, B.M.S., A.M.K., A.M.N., P.J.K. (Kedah)
- ” DATUK ABANG HAJI AHMAD URAI BIN DATU HAKIM ABANG HAJI MOHIDEEN (Sarawak)
- ” TUAN ALEXANDER Y. L. LEE (Dilantik)
- ” TUAN HAJI ARIFFIN BIN HAJI SALLEH, K.M.N., S.M.K. (Dilantik)
- ” TUAN FADZIL BIN MAHMOOD, A.M.N., P.P.N., P.J.K. (Perlis)
- ” DATO S. GOVINDARAJ, D.P.M.S., K.M.N., P.P.N., P.P.T., J.P. (Dilantik)
- ” PUAN HAJAH HABIBAH BINTI ABDUL GHANI, K.M.N., A.M.P., A.M.N., P.J.K., (Pahang)
- ” PUAN HAFSAH BINTI OTHMAN (Dilantik)
- ” PUAN HASANAH BINTI HAJI MOHD. KASSIM @ HASANAH FATIMAH BINTI HAJI MOHD. KASSIM, A.M.N., P.P.N., P.J.K. (Trengganu)
- ” TUAN HASSAN BIN NAM (Dilantik)
- ” TUAN HAJI HUSSEIN BIN AHMAD (Dilantik)
- ” TUAN HAJI IBRAHIM BIN HAJI UJANG (Negeri Sembilan)
- ” TUAN IBRAHIM BIN SALLEH, A.M.N., P.J.K. (Dilantik)

renyunting Kanan: Yahya Manap.

Penyunting: P. B. Menon

- Yang Berhormat DATUK ISHAK BIN ABDUL RAHMAN, D.S.P.N., A.M.N., P.J.K.  
(Pulau Pinang)
- ” TUAN JAAFAR BIN HARUN (Dilantik)
- ” DATUK JAMES BERNARD WILLIE, P.G.D.K. (Sabah)
- ” PUAN SRI JANAKI ATHI NAHAPPAN, A.M.N., P.J.K. (Dilantik)
- ” TUAN R. M. JASNI, B.K. (Dilantik)
- ” DATO KAMARUZAMAN BIN AHMAD (Dilantik)
- ” TUAN KEE YONG WEE (Wilayah Persekutuan)
- ” TUAN KENNETH KENYAN ANAK TEMENGGONG KOH, K.M.N.,  
J.B.S. (Sarawak)
- ” DATO KHOO KAY POR, D.M.P.N., J.M.N., J.P. (Pulau Pinang)
- ” TUAN KUAN PENG SOON @ KUAN PENG CHING (Perak)
- ” TUAN K. KUMARAN, K.M.N., P.M.P., P.P.T., J.P. (Dilantik)
- ” TUAN HAJI LATIP BIN HAJI DRIS, P.B.S. (Dilantik)
- ” TUAN LIM KEAN SIEW (Dilantik)
- ” CIK LIM SEAN LEAN @ LIM HIANG NAI, K.M.N. (Dilantik)
- ” DATUK LOH FOOK YEN, D.S.I.J., P.P.N., P.I.S. (Dilantik)
- ” TUAN LGO SWEE MOK, A.M.N., P.P.N. (Pahang)
- ” TUAN HAJI MOHAMED BIN YAHYA, P.I.S., B.S.I., A.M.N. (Johor)
- ” DATUK HAJI MOHD. DIN BIN JAAFAR, P.G.D.K., A.D.K., B.K.  
(Dilantik)
- ” TUAN HAJI MOHD. NOOR BIN HAJI ABDULLAH (Kelantan)
- ” TUAN MOHD. NOOR BIN BEDAH, P.J.K., P.J.B. (Perlis)
- ” TUAN MOHD. YUSOFF BIN KASSIM (Perak)
- ” TUAN MOHD. YUSOFF @ YUSOF HAJI Md. NOR (Kelantan)
- ” TUAN NASIR BIN HAJI MANAP, A.M.N., P.J.K. (Melaka)
- ” PUAN NEN ABIDAH BINTI ABDULLAH, A.M.N., P.P.N., P.J.K. (Dilantik)

MALAYSIA

## DEWAN NEGARA

Isnin, 3hb Disember, 1984

*Mesyuarat dimulakan pada pukul 2.30 petang*

## DOA

*(Tuan Yang di-Pertua mem-  
pengerusikan Mesyuarat)*

## MENGANGKAT SUMPAH

Ahli-ahli Yang Berhormat yang tersebut di bawah ini telah mengangkat Sumpah seperti yang disebutkan dalam Perlembagaan:

1. Tuan Haji Ibrahim bin Haji Ujang
2. Tuan Kuan Peng Soon @ Kuan Peng Ching
3. Tuan Mohd. Yusoff bin Haji Md. Nor
4. Tuan Haji Mohd. Noor bin Haji Abdullah

PEMASYHURAN TUAN  
YANG DI-PERTUA

## MENGALU-ALUKAN AHLI BARU

**Tuan Yang di-Pertua:** Ahli-ahli Yang Berhormat, saya mengucapkan selamat datang dan tahniah kepada Ahli-ahli Yang Berhormat yang baru mengangkat Sumpah sebentar tadi. Saya berharap semoga Ahli-ahli yang baru dipilih itu dapat memberikan sumbangannya yang berguna dan berfaedah kepada Dewan ini dan kepada negara seterusnya dan semoga mereka dapat berkhidmat dengan cemerlangnya.

MEMPERKENANKAN  
AKTA-AKTA

**Tuan Yang di-Pertua:** Ahli-ahli Yang

Berhormat, saya suka hendak memberitahu iaitu Duli Yang Maha Mulia Seri Paduka Baginda Yang di-Pertuan Agong dengan limpah kurnia Baginda telah berkenan mempersetujui Akta-akta yang telah diluluskan dalam Mesyuarat Parlimen yang lalu seperti berikut:-

1. Akta Perkapalan Saudagar (Pindaan dan Perluasan) 1984;
2. Akta Penjenayah Fugitif Komanwel (Pindaan) 1984;
3. Akta Mahkamah Kehakiman (Pindaan) 1984;
4. Akta Undang-undang Sivil (Pindaan) 1984;
5. Akta Dius Api Persekutuan (Pindaan) 1984;
6. Akta Kesalahan-kesalahan Penerbangan 1984;
7. Akta Penilai dan Pentaksir (Pindaan) 1984;
8. Akta Dadah Berbahaya (Pindaan) 1984;
9. Akta Kanun Tanah Negara (Hakmilik Pulau Pinang dan Melaka) (Pindaan) 1984;
10. Akta Makhluk Perosak Pertanian dan Tumbuh-tumbuhan Berbahaya (Pindaan) 1984; dan
11. Akta Taman Asuhan Kanak-kanak 1984.

PERUTUSAN DARIPADA DEWAN  
RAKYAT

**Tuan Yang di-Pertua:** Ahli-ahli Yang Berhormat, saya telah menerima satu

Perutusan daripada Dewan Rakyat yang meminta Dewan Negara memper-setujukan Rang Undang-undang yang telah diluluskan oleh Dewan tersebut.

Saya jemput Setiausaha membacakan Perutusan itu sekarang.

(*Setiausaha membacakan Perutusan*)

“30hb November, 1984.

Tuan Yang di-Pertua Dewan Negara,

Dewan Rakyat telah meluluskan Rang Undang-undang yang berikut dan meminta Dewan Negara mem-persetujukannya:-

1. Rang Undang-undang Perbekalan 1985;
2. Rang Undang-undang Zon Ekonomi Eksklusif;
3. Rang Undang-undang Mahkamah Kehakiman (Pindaan);
4. Rang Undang-undang Peguambela (Sabah) (Pindaan);
5. Rang Undang-undang Peguambela (Sarawak) (Pindaan);
6. Rang Undang-undang Saraan Hakim (Pindaan);
7. Rang Undang-undang Mahkamah Syariah (Bidang Kuasa Jenayah) (Pindaan);
8. Rang Undang-undang Kerja (Pindaan);
9. Rang Undang-undang Pejabat Pos (Pindaan);
10. Rang Undang-undang Perhutanan Negara; dan
11. Rang Undang-undang Industri Berasas Kayu (Kekuasaan Badan Perundangan Negeri).

Yang ikhlas,

t.t

Yang di-Pertua Dewan Rakyat”.

#### URUSAN MESYUARAT

**Menteri Kehakiman dan Menteri di Jabatan Perdana Menteri (Datuk Dr. James P. Ongkili):** Tuan Yang di-Pertua, saya akan mencadangkan

supaya Rang Undang-undang yang tersebut di dalam perutusan itu dibacakan kali yang kedua dan ketiganya di mesyuarat ini:-

1. Rang Undang-undang Perbekalan 1985;
2. Rang Undang-undang Zon Ekonomi Eksklusif;
3. Rang Undang-undang Mahkamah Kehakiman (Pindaan);
4. Rang Undang-undang Peguambela (Sabah) (Pindaan);
5. Rang Undang-undang Peguambela (Sarawak) (Pindaan);
6. Rang Undang-undang Saraan Hakim (Pindaan);
7. Rang Undang-undang Mahkamah Syariah (Bidang Kuasa Jenayah) (Pindaan);
8. Rang Undang-undang Kerja (Pindaan);
9. Rang Undang-undang Pejabat Pos (Pindaan);
10. Rang Undang-undang Perhutanan Negara; dan
11. Rang Undang-undang Industri Berasas Kayu (Kekuasaan Badan Perundangan Negeri).

**Tuan Yang di-Pertua:** Baiklah.

#### UCAPAN TAKZIAH KEPADA KELUARGA ALLAHYARHAM Y.B. TAN SRI ZAITON IBRAHIM

**Tuan Yang di-Pertua:** Ahli-ahli Yang Berhormat, dengan perasaan sedih saya maklumkan iaitu kita telah kehilangan seorang bekas Ahli berikutan dengan kematian Allahyarham Yang Berhormat Tan Sri Zaiton Ibrahim pada 16hb November, 1984 yang lalu. Pihak Parlimen telahpun mengutus kawat takziah kepada keluarganya pada 17hb November, 1984.

Sekarang saya minta Ahli-ahli Yang Berhormat sekalian bangun bersama-sama saya bertaffakur selama seminit sebagai menghormati Allahyarham Yang Berhormat Tan Sri Zaiton Ibrahim dan bagi orang-orang yang beragama Islam diminta menghadihkan Fatihah seberapa yang ikhlas ke atas roh Allahyarham itu.

*(Majlis bertaffakur selama seminit dan yang beragama Islam membacakan Fatihah)*

### JAWAPAN-JAWAPAN MULUT BAGI PERTANYAAN- PERTANYAAN

#### JANGGUT RASULULLAH (S.A.W.) DI PAMERAN MUZIUM NEGARA

**1. Tuan Haji Shaharom bin Haji Maasom** minta Perdana Menteri menyatakan sama ada benar sehelai janggut yang dipamerkan di Muzium Negara itu sebenar-benarnya janggut Nabi Muhammad s.a.w., jika benar nyatakan sama ada perbuatan ini menyalahi pegangan kita memuliakan Rasulullah dan jika tidak nyatakan sebab-sebab mengapa tiada penafian dibuat oleh kerana sudah ada tuduhan dibuat yang mengatakan Kerajaan mempersendakan Nabi junjungan kita itu.

**Timbalan Menteri di Jabatan Perdana Menteri (Dr. Mohamad Yusof bin Haji Mohammad Noor):** Tuan Yang di-Pertua, pihak penganjur Pameran Islam Antarabangsa telah memperolehi janggut Rasulullah s.a.w. yang telah dipamerkan itu dari Tuqafi Palace Muzium, Istanbul, Turkey. Menurut pihak berkuasa Tuqafi Palace Muzium janggut bersama bekas hedlarnya yang diperbuat daripada emas dan bertatahkan batu permata itu memang telah ada tersimpan di Istana Tuqafi sejak dari zaman Kerajaan Othmaniah lagi. Berdasarkan kepada sandaran iaitu Sanat yang ada adalah disahkan

bahawa janggut yang tersimpan itu adalah benar kepunyaan Rasulullah s.a.w. dan tidak pernah timbul sebarang soalan tentang kebenaran ini sama ada di Turkey atau di mana-mana negara yang lain.

Menyimpan dan mempamerkan janggut Rasulullah s.a.w. itu adalah satu perbuatan yang harus di sisi agama. Kerajaan berpendapat tidak perlu membuat penafian terhadap apa yang dikatakan tuduhan itu kerana itu sebenarnya merupakan pendapat orang-orang perseorangan yang mana tidak menjejaskan kedudukan agama atau kepentingan ummah.

#### MENUNAIKAN HAJI MELALUI SISTEM MUASASSAH/SYEIKH

**2. Puan Hasnah binti Haji Mohd. Kasim** minta Perdana Menteri menyatakan baik buruknya kepada Jemaah Haji yang menunaikan Fardhu Haji (melalui LUTH) antara sistem Muasassah yang baru diperkenalkan pada tahun ini (1984/1404) dengan sistem Syeikh seperti tahun-tahun yang terdahulu dan nyatakan juga sama ada Kerajaan kita akan berunding dengan Kerajaan Arab Saudi supaya sistem Syeikh diadakan semula memandangkan sistem Muasassah itu banyak memberi kesulitan kepada Jemaah Haji.

**Timbalan Menteri di Jabatan Perdana Menteri (Puan Shariffah Dorah binti Dato' Syed Mohamed):** Tuan Yang di-Pertua, walaupun Jemaah Haji Malaysia menghadapi berbagai-bagai kesulitan dalam musim Haji tahun ini berikutan dengan pelaksanaan sistem Muasassah bagi Jemaah Haji Asia Tenggara, setelah kajian dibuat adalah nyata bahawa sebagai satu sistem, sistem Muasassah itu adalah lebih baik daripada sistem Syeikh Haji dahulu tetapi segala kesulitan yang dihadapi oleh Jemaah Haji itu adalah berpunca daripada kelemahan pelaksanaan sistem tersebut kerana pihak yang

melaksanakan sistem itu tidak berpengalaman dalam urusan Jemaah Haji secara berkumpulan.

Antara keburukan yang telah diatasi oleh sistem Muasassah itu adalah penghapusan ejen-ejen Syeikh yang menjalankan kempen untuk mendapatkan Jemaah Haji di negara Jemaah Haji sendiri dan akibat kempen-kempen mereka itu telah terdapat Syeikh-syeikh Haji yang tidak bertanggungjawab masih dipilih oleh Jemaah Haji pada setiap tahun.

Kerajaan Arab Saudi telah menyatakan bahawa sistem Muasassah itu akan dijalankan sebagai satu sistem percubaan sahaja selama 3 tahun dan terpulanglah kepadanya sama ada hendak meneruskan sistem tersebut ataupun tidak selepas tempoh itu.

Walau bagaimanapun, Kerajaan Malaysia akan menghubungi Kerajaan Arab Saudi di peringkat Kerajaan dengan Kerajaan, dengan izin, G to G untuk mengemukakan beberapa cadangan yang menyentuh dasar pelaksanaan sistem Muasassah itu. Semoga ianya dapat mengatasi segala masalah yang telah dihadapi oleh Jemaah Haji dalam musim Haji yang lalu.

**Tuan Haji Abdul Wahab bin Haji Abu Bakar:** Tuan Yang di-Pertua, sedarkah Yang Berhormat Timbalan Menteri ada terdapat segolongan Jemaah Haji daripada negara ini yang tidak langsung terkena dengan undang-undang Muasassah ini dan bagaimanakah pendirian Tabung Haji dalam masalah ini. Minta penjelasan.

**Puan Shariffah Dorah binti Dato' Syeh Mohamed:** Tuan Yang di-Pertua, mereka yang tidak terlibat langsung dengan sistem Muasassah ini memang ada. Ini ialah sekiranya mereka sanggup hangus dengan bayaran untuk tempat kediaman yang mereka kena bayar itu dan mereka tinggal di hotel-hotel ataupun di tempat-tempat lain.

**Tuan Haji Abdul Razak bin Haji Abu Samah:** Soalan tambahan, Tuan Yang di-Pertua. Saya ingin bertanya iaitu mengenai LUTH ini, sistem Muasassah yang dibincangkan ini memang telah lama berpanjangan. Kita pergi menunaikan Fardhu Haji ini ialah untuk menunaikan Rukun Islam yang kelima mudah-mudahan dengan pemergian itu kita mendapat pahala yang besar. Tetapi apabila balik kita mendapat bala yang besar.

Dalam masalah ini, saya ingin bertanya, pada 27hb Oktober, 1984, selepas orang-orang menunaikan Fardhu Haji saya pergi untuk buat Umrah dan balik pada 5hb November, 1984. Apa yang saya dapat tahu sama ada benar ataupun tidak, yang dikatakan oleh Syeikh Haji di sana, ia mengatakan bukan Syeikh Haji yang salah, tetapi kita mengatakan Syeikh Haji yang salah. Tetapi mereka mengatakan Tabung Haji yang salah dalam masalah ini. Saya bertanya, umpamanya sistem Muasassah yang ada ini telahpun dikaji, telahpun dirundingkan antara Kerajaan negara kita ini dengan Kerajaan Arab Saudi dan telahpun dapat persetujuan untuk bekerjasama untuk menjaga kebajikan, kesihatan, kenderaan dan sebagainya dan juga pembahagian-pembahagian kerja yang harus dibuat bersama. Tetapi apabila sampai masa Haji, pegawai-pegawai kita daripada Tabung Haji seperti apa yang dinyatakan telah mengambil-alih, tidak mengikut janji yang telah dibuat dahulu itu, hanya pihak Tabung Haji mengambil nama-nama yang ada pas, nama-nama itu beri satu-persatu.

Umpamanya, macam saya dengan isteri saya tetap dapat pas yang sama. Tiap-tiap muasassah itu dikatakan ada 16 syeikh Haji yang ditetapkan. Selepas itu tiap-tiap satu syeikh ini dapat 3,600 orang. Oleh itu dalam masalah ini tidak timbul, tetapi masalah yang timbul ialah isteri pergi ke tempat lain dan suami pergi ke tempat lain. Sebabnya pembahagian-pembahagian pas ini

berasingan, beri sahaja begitu, tiba masanya terkena tempat lain dan kenalah isteri mendapat syeikh yang lain, suami mendapat syeikh yang lain dan bapa dapat syeikh yang lain, inilah yang menjadi masalah. Adakah benar dakwaan yang dinyatakan oleh syeikh-syeikh Haji itu?

**Puan Shariffah Dorah binti Dato' Syed Mohamed:** Tuan Yang di-Pertua, memang benar apa yang didakwakan itu iaitu kita dapati lebih kurang 45 keluarga atau kelamin yang terpisah antara suami isteri ini, tetapi dengan usaha yang dibuat oleh Tabung Haji, perkara ini telah dapat diperbaiki dan diatasi. Sebab-sebab terjadi begini sebagaimana yang saya katakan tadi, kalau sesuatu sistem itu baru diperkenalkan perlaksanaannya tentulah akan terdapat beberapa kecacatan dan juga kelemahan. Jadi sistem muasassah yang lepas ini mempunyai lebih kurang 20 maktab dan jemaah Haji kita yang berjumlah 24,000 orang itu dipecahkan kepada kesemua 20 maktab itu. Jadi itulah barangkali tidak dapat pengawasan yang rapi. Insya Allah dalam masa Haji tahun yang akan datang ini pihak Tabung Haji telahpun bercadang dan membuat pengurusan dan akan mengadakan perundingan dengan pihak Menteri Wakaf dan Haji di sana supaya jemaah Haji Malaysia hanya akan ditempatkan di antara 6, 7 dan 8 maktab sahaja yang mana satu maktab itu mengandungi 4,000 orang. Jadi senanglah kita mengawal dan insya Allah, kita akan tambah lagi jumlah Pegawai-pegawai Kebajikan kita untuk membantu jemaah-jemaah Haji kita di sana.

Tentang pas-pas yang disebutkan tadi itu agaknya berkenaan dengan kesihatan, hospital dan lain-lain lagi. Perkara ini pun akan kita perbaiki di masa yang akan datang. Kita memberikan rawatan dan juga perhatian bukan sahaja kepada jemaah Haji Malaysia, bahkan daripada mana-mana juga jemaah Haji, kita memberikan bantuan dan juga layanan apatah lagi jemaah

Haji Malaysia. Jadi sekiranya ada kelemahan dalam perkara ini, akan kita perbaiki pada tahun Haji yang akan datang.

### SYARIKAT KERJASAMA NELAYAN – PENUTUPAN

**3. Tuan Salleh bin Kassim** minta Menteri Pertanian menyatakan jumlah Syarikat Nelayan yang terpaksa ditutup, kerana tidak ada kemajuan dan sambutan dari kaum nelayan dan nyatakan langkah-langkah yang telah dan akan dilaksanakan oleh Kementerianya bagi memajukan syarikat-syarikat tersebut.

**Timbalan Menteri Pertanian (Dr. Goh Cheng Teik):** Tuan Yang di-Pertua, jawabannya:-

- (a) Sejak fungsi pengawasan Persatuan Nelayan dan Syarikat Kerjasama Nelayan diambilalih oleh Lembaga Kemajuan Ikan Malaysia pada tahun 1975 hingga sekarang, sebanyak 31 buah Syarikat Kerjasama Nelayan telah ditutup, tetapi 7 daripadanya telah bergabung untuk menubuhkan Koperasi Nelayan Kawasan.

Antara sebab-sebab mengapa 31 Syarikat-syarikat Kerjasama Nelayan tersebut ditutup ialah:-

1. Keahlian Syarikat Kerjasama Nelayan berkurangan sehingga terlalu kecil bilangan untuk berfungsi; dan
2. Tiada aktiviti yang dijalankan buat beberapa masa dan mesyuarat Ahli Lembaga Pengarah tidak dipanggil serta akaun-akaun tidak disediakan.

Langkah-langkah yang sedang diambil ke arah membangunkan institusi tersebut ialah:-

1. Menggalakkan penyertaan seramai dapat nelayan-nelayan dalam Persatuan Nelayan;
  2. Menubuhkan satu badan induk di peringkat Pusat yang dinamakan Persatuan Nelayan Kebangsaan;
  3. Mempertingkatkan aktiviti latihan kepada ahli-ahli Lembaga Pengarah, Jawatankuasa Persatuan Syarikat Kerjasama Nelayan dalam perkara-perkara berkait dengan perundangan dan pengurusan Persatuan; dan
  4. Membuka peluang kepada tambahan aktiviti ekonomi dan sosial untuk memberi perkhidmatan bimbingan yang diperlukan.
- (b) Sebelum sesuatu projek parit dan taliair dirancang dan dilaksanakan, kesesuaian tanah dan sumber air akan dikaji dengan terperinci terlebih dahulu untuk menentukan bekalan air adalah mencukupi. Tidak dapat dinafikan adanya projek-projek parit dan taliair tidak dapat digunakan sepenuhnya. Penyiasatan oleh Kementerian Pertanian menunjukkan kebanyakan masalah projek parit dan taliair bukannya disebabkan oleh rekabentuk kejuruteraan tetapi beberapa faktor yang lain. Di antaranya kekurangan tenaga buruh di peringkat ladang disebabkan oleh penghijrahan kaum belia daripada kawasan kawasan pertanian ke kawasan-kawasan bandar. Walau bagaimanapun, usaha sentiasa dijalankan oleh Kerajaan untuk menyelenggara dan membaiki, jika perlu, parit dan taliair di sawah-sawah petani. Di samping itu, program-program pembangunan untuk mempertingkatkan kemudahan-kemudahan perairan di kawasan tanaman padi di seluruh negara sentiasa dijalankan.

**Datuk Haji Mohd. Din bin Jaafar:** Tuan Yang di-Pertua, saya suka bertanya kepada Yang Berhormat Timbalan Menteri Pertanian, apakah sebab-sebabnya Syarikat Nelayan ini ditutup dengan tertubuhnya Lembaga Kemajuan Ikan Malaysia. Adakah kerana nelayan-nelayan ini tidak dapat menerima konsep Lembaga Kemajuan Ikan Malaysia ini dan adakah Kementerian Pertanian membuat kajian bahawa nelayan-nelayan ini tidak boleh menyara hidup sebagai nelayan dengan melalui Koperasi Syarikat Kerjasama mahupun melalui Syarikat-syarikat Nelayan atau mereka ini lebih berkesan bila mereka ini bekerja sebagai seorang nelayan yang perseorangan dengan bantuan Kerajaan, mungkin ini lebih berkesan. Jadi dengan terikatnya mereka dengan menjadi ahli di dalam Lembaga Kemajuan Ikan Malaysia dan Syarikat Kerjasama, mungkin dengan sebab ini nelayan-nelayan ini menutup syarikat mereka dan mereka tidak mahu mengikuti cara-cara apa yang dibuat oleh Syarikat Kerjasama dan ini telah menyebabkan kaum-kaum nelayan ini telah kehilangan punca pencarian mereka. Jadi adakah ini sebab-sebabnya, saya ingin minta Yang Berhormat Timbalan Menteri menjelaskan.

**Dr. Goh Cheng Teik:** Tuan Yang di-Pertua, nampaknya Ahli Yang Berhormat itu adalah sedikit salah faham hubungan antara Persatuan-persatuan Nelayan dan Syarikat-syarikat Kerjasama Nelayan-nelayan dengan LKIM. Sebenarnya corak badan-badan nelayan iaitu Persatuan Nelayan atau Syarikat Kerjasama Nelayan sebagai institusi kooperatif tidak berubah, sebenarnya dikekalkan walaupun dengan tertubuhnya LKIM dan LKIM semenjak tahun 1975 cuma memainkan peranan sebagai satu badan yang mengelolakan kegiatan syarikat nelayan dan memberi segala bantuan kepada nelayan. Kegiatan-kegiatan ekonomi terus dijalankan oleh nelayan-nelayan yang menjadi anggota di dalam SKN atau PN.

**Toh Muda Dr. Abdullah Fadzil bin Che Wan:** Tuan Yang di-Pertua, saya ingin bertanya kepada Timbalan Menteri yang berkenaan tentang soalan bab dua berkenaan dengan langkah-langkah yang dibuat oleh Kementerian bagi memajukan syarikat-syarikat tersebut. Sebentar tadi, jawapan beliau tidak begitu jelas tentang apakah syor-syor atau langkah-langkah yang akan diambil bagi memperbaiki syarikat-syarikat yang berkenaan bagi menguntungkan agar lebih baik dari segi sumber pendapatannya oleh kerana kita tahu setengah-setengah negara, bidang perikanan ini atau industri perikanan ini boleh maju, boleh berjaya dan boleh mendapatkan sumber kewangan yang begitu banyak sekali. Tetapi sebentar tadi kita kurang jelas mendengar apakah jawapan yang tepat yang boleh diberi oleh Timbalan Menteri berkenaan dengan bab kedua soalan yang tersebut. Minta penjelasan yang lebih tegas lagi.

**Dr. Goh Cheng Teik:** Tuan Yang di-Pertua, dalam soalan asal Ahli Yang Berhormat Senator Salleh telah menyoal tentang sebab-sebab Syarikat-syarikat Kerjasama Nelayan ditutup dan saya telahpun memberi sebab-sebab kenapa ditutup dan saya telahpun menjelaskan langkah-langkah yang diambil untuk mengelakkan Syarikat Kerjasama Nelayan atau persatuan-persatuan Nelayan ditutup.

#### DASAR PANDANG KE TIMUR

**4. Tuan Jaafar bin Harun** minta Perdana Menteri menyatakan bahawa di dalam mempertimbangkan kerjasama di Bidang Ekonomi menyatakan sama ada benar Jepun tidak memberi layanan sewajarnya kepada Malaysia dan oleh itu Kerajaan akan mengkaji semula Dasar Pandang ke Timurnya, jika benar, nyatakan langkah-langkah yang telah diambil untuk memperseimbangkan keadaan.

**Puan Shariffah Dorah binti Dato' Syed Mohamed:** Tuan Yang di-Pertua, adalah benar bahawa di dalam bidang

ekonomi kita menghadapi masalah ketidak seimbangan dalam perdagangan Malaysia/Jepun. Untuk memperbaiki keadaan ini, maka tidak lama dahulu Yang Amat Berhormat Perdana Menteri kita telah menegur Jepun untuk mengubah sikapnya supaya lebih positif bagi mempertingkatkan kerjasama dalam bidang ekonomi serta membantu Malaysia dalam usaha-usaha pembangunannya. Sementara itu, kita juga akan terus berusaha untuk mendapatkan pasaran dan layanan yang lebih baik bagi hasil-hasil keluaran Malaysia di Jepun supaya keadaan yang tidak seimbang itu dapat diatasi.

Perhubungan dua hala termasuk perhubungan dua hala Malaysia/Jepun tidak ada kaitan dengan Dasar Pandang ke Timur dan oleh itu maka tidak wajar untuk kita mengkaji semula Dasar Pandang ke Timur. Seperti mana Ahli-ahli Yang Berhormat sedia maklum, tujuan diadakan Dasar Pandang ke Timur adalah untuk mencontohi etika kerja, sistem pengurusan, disiplin, pengamatan dan kesungguhan serta keazaman mencari jalan bagi meningkatkan daya pengeluaran dan lain-lain negara-negara timur yang sesuai untuk pembangunan negara kita.

**Tuan Haji Abdul Razak bin Haji Abu Samah:** Soalan tambahan. Tuan Yang di-Pertua, saya ingin bertanya, sejak Yang Amat Berhormat Perdana Menteri menyuarakan dalam suratkhbar dan orangramai tahu di atas yang dibuat oleh negeri Jepun ini yang mereka ini hanya berkehendakkan keuntungan sahaja datang ke negeri kita tanpa apa yang kita janji tidak dilaksanakan. Oleh itu, saya ingin bertanya, sejak ucapan Yang Amat Berhormat, adakah sedikit sebanyak masalah ini dapat diatasi di antara kerajaan kita dengan Syarikat-syarikat Jepun di negara kita ini.

**Puan Shariffah Dorah binti Dato' Syed Mohamed:** Nampaknya, semenjak kena tegur oleh Yang Amat Berhormat

Perdana Menteri kita, keadaan adalah lebih baik daripada sebelum daripada ini.

**Tuan Jaafar bin Harun:** Soalan tambahan. Tuan Yang di-Pertua, semenjak Dasar Pandang ke Timur dijalankan di negara kita ini, ingin saya mendapat penjelasan apa-apakah syarikat yang telah diusahakan oleh Jepun itu di negara kita ini dan adakah dipelawa kita Malaysia ini untuk menyertai bersama? Saya ingin mendapat penjelasan.

**Puan Shariffah Dorah binti Dato' Syed Mohamed:** Tuan Yang di-Pertua, sebenarnya tidak berapa banyak syarikat-syarikat Jepun yang menanam modal di sini, tetapi untuk mendapatkan secara terperinci, maka pihak saya memohon notis.

#### ORANG-ORANG ASLI MEMELUK AGAMA ISLAM

5. **Tuan Hassan bin Nam** minta Perdana Menteri menyatakan sama ada beliau sedar bahawa orang-orang Asli yang telah memeluk agama Islam tidak ada yang menjadi contoh yang baik dan keadaan ini tidak menarik lebih ramai lagi orang-orang Asli supaya masuk Islam; jika sedar nyatakan tindakan yang boleh diambil untuk membaiki keadaan ini.

**Timbalan Menteri di Jabatan Perdana Menteri (Dr. Mohamad Yusof bin Haji Mohamad Noor):** Tuan Yang di-Pertua, adalah tidak benar untuk mengatakan bahawa tidak ada orang Asli yang beragama Islam boleh menjadi contoh teladan yang baik. Sebenarnya terdapat beberapa individu di kalangan orang-orang Asli yang memeluk agama Islam telah dapat memberi contoh teladan yang baik kepada orang-orang Asli yang lain. Nama-nama mereka saya fikir tidaklah perlu saya nyatakan dalam Dewan ini kecuali diperlukan.

Walaupun demikian, kita dapati terdapat beberapa buah kampung orang Asli Islam yang boleh menjadi

contoh kepada masyarakat orang-orang Asli. Antara kampung-kampung tersebut ialah seperti Kampung Sungai Baduk, Kinta, Perak; Kampung Orang Asli Peroi, Chenin, Lasah, Perak; Kampung Orang Asli Senggarang, Batu Pahat, Johor; Kampung Orang Asli Benderas, Temerloh, Pahang; Kampung Tengku Tuan, Endau, Johor; Kampung Lata, Kinjang, Chenderiang, Tapah Perak dan lain-lain lagi.

Berhubung dengan perkara yang tersebut, pihak Kerajaan telah dan sedang menjalankan berbagai-bagai cara untuk menarik minat orang-orang Asli untuk memeluk agama Islam. Di antara langkah itu adalah seperti berikut:

1. berusaha meningkat dan mempergiatkan kedudukan kampung dan kemudahan-kemudahan sosial kepada orang-orang Asli.
2. mengikis perasaan buruk sangka masyarakat luar terhadap orang-orang Asli dan berusaha menaikkan semangat rendah diri orang-orang Asli;
3. mengadakan kursus-kursus lawatan sambil belajar dan menyemai kebaikan ajaran-ajaran Islam di kalangan orang-orang Islam.
4. memberi faedah-faedah langsung iaitu material dan secara tidak langsung seperti pengajaran agama, bimbingan dan penasihatn untuk jangka masa panjang.
5. menempatkan mubaligh-mubaligh secara tetap untuk mengajar asas-asas ajaran Islam.
6. mengadakan tayangan gambar melalui unit penerangan hal ehwal orang Asli bagi memberi gambaran dan konsep Islam yang sebenarnya.
7. melibatkan mereka di dalam acara sambutan hari-hari perayaan Islam seperti Hari Raya Aidilfitri, Hari Raya Aidiladha, Maulud Nabi dan Awal Muharram.

8. mengambil perhatian yang ber-sungguh-sungguh ke atas kehidupan mereka iaitu semasa kenduri kahwin, semasa sesuatu kematian, bergotong royong seperti membuka ladang-ladang baru, menanam, membersihkan ladang dan lain-lain lagi.
9. mengajar dan menunjukkan cara-cara penghidupan moden di kalangan kaum wanita.
10. mengajar dan menanamkan contoh-contoh yang baik orang-orang Asli Islam kepada orang-orang Asli yang bukan Islam seperti beribadat yang betul mengikut kaedah-kaedah Islam dan memupuk perasaan baik sangka sesama umat Islam dan lain-lain lagi.
11. mengadakan program anak angkat orang Asli Islam atau orang Asli bukan Islam untuk tinggal bersama-sama keluarga angkat Islam yang berkenaan

Shingga ini terdapat lebih kurang 40 buah rumah ibadat yang telah dibina oleh pihak Kerajaan di seluruh Semenanjung seperti yang didapati dalam rekod pihak pentadbiran.

**Datuk Haji Mohd. Din bin Jaafar:** Soalan tambahan. Tuan Yang di-Pertua, saya ingin tahu daripada Yang Berhormat Menteri, berapa banyakkah bilangan orang-orang Asli yang terdapat di negara ini dan berapa ramai yang mereka ini yang bilangannya yang belum memeluk agama Islam. Bolehkah Yang Berhormat Menteri menerangkan?

**Dr. Mohamad Yusof bin Haji Mohamad Noor:** Tuan Yang di-Pertua, saya mohon notis untuk mendapatkan jumlah yang sebenarnya tetapi saya boleh menyatakan di sini jumlah yang telah memeluk agama Islam adalah seramai 7,100 orang.

#### LOMBONG DI PUCHONG— TRAGEDI

**6. Tuan Mohd. Yusoff bin Kassim** minta Menteri Perusahaan Utama menyatakan sebab-sebab mengapa berlaku tragedi lombong di Puchong baru-baru ini dan nyatakan tindakan yang beliau telah dan akan ambil untuk menjaga dan menjamin keselamatan pekerja-pekerja lombong.

6.12.84

**32. Tuan Haji Mohamed bin Yahya** minta Menteri Perusahaan Utama menyatakan hasil siasatan mengenai tragedi Kapal Korek Syarikat Sungai Kelang Dredging Sdn. Bhd. pada 8.8.1984 sehingga memakan korban nyawa seramai 7 orang pekerjanya.

7.12.84

**13. Tuan Jaafar bin Harun** minta Menteri Perusahaan Utama menyatakan sebab-sebab berlakunya tragedi Kapal Korek di Puchong tempohari dan tindakan oleh Kerajaan untuk mengatasi masalah keselamatan pekerja-pekerja lombong-lombong bijih pada masa akan datang.

**Timbalan Menteri Perusahaan Utama (Tuan Megat Junid bin Megat Ayob):** Tuan Yang di-Pertua, saya mohon izin daripada Tuan Yang di-Pertua agar jawapan saya ini juga merangkumi soalan-soalan yang sama yang dibuat oleh Yang Berhormat Tuan Haji Mohamed bin Yahya pada 6.12.84 dan juga daripada Yang Berhormat Tuan Jaafar Harun pada 7.12.84.

Menurut laporan yang disediakan oleh Pasukan Petugas Khas yang telah dibentuk untuk menyiasat tragedi kemalangan kapal korek di Puchong baru-baru ini, adalah didapati bahawa sebab utama kapal korek tersebut terbalik, adalah disebabkan beberapa ruang ponton di bahagian hadapannya telah bocor. Apabila ponton-ponton tersebut telah dimasuki air, maka imbuhan dan daya pengapungan kapal korek tersebut telah terjejas yang menyebabkan condong ke sebelah kanan lalu terbalik.

Pasukan Petugas tersebut telah mengesyorkan supaya diadakan satu penyiasatan terbuka (open inquiry), dengan izin, di bawah Seksyen 79(3) Enakmen Perlombongan, (Bab 147) untuk menentukan sama ada terdapat kes bagi kecuaiian criminal boleh dipastikan.

Sebagaimana yang ditetapkan oleh undang-undang, laporan penyiasatan tersebut akan dikemukakan kepada pihak Menteri Besar yang berkenaan dan Timbalan Pendakwaraya untuk tindakan selanjutnya.

Tuan Yang di-Pertua, jika sekiranya melalui penyiasatan terbuka tersebut didapati ada pihak yang telah gagal mematuhi peraturan keselamatan, maka tindakan undang-undang akan diambil terhadap mereka yang bertanggungjawab. Di samping itu, Kementerian Perusahaan Utama telah pun menubuhkan satu Jawatankuasa yang terdiri daripada wakil-wakil agensi Kerajaan dan swasta yang berkaitan seperti Jabatan Galian, Jabatan Kilang dan Jentera, Jabatan Laut dan pakar-pakar marin daripada PETRONAS dan pihak swasta untuk mengkaji dan mengadakan panduan-panduan yang jelas terhadap operasi secara terselamat bagi kapal korek di masa muka. Jawatankuasa ini juga akan mengkaji dan menjelaskan aspek-aspek perundangan berhubung dengan pembinaan, pengawalan dan pengawasan kapal korek.

Saya telah juga mengarahkan supaya Jabatan Galian mengadakan pemeriksaan yang lebih lengkap dan teliti ke atas kapal korek-kapal korek yang sedang beroperasi termasuk menentukan adanya alat-alat kelengkapan yang boleh memberi amaran awal agar kemungkinan kejadian kemalangan dapat dielakkan. Jabatan tersebut juga akan menggiatkan lagi usaha-usaha kempen keselamatan

kapal korek sentiasa berada di dalam keadaan yang baik dan selamat.

**Tuan Haji Abdul Wahab bin Haji Abu Bakar:** Soalan tambahan, Tuan Yang di-Pertua. Benarkah desas-desus yang kita terima bahawa pihak-pihak penguatkuasa di Jabatan Galian telah menasihatkan pihak tuanpunya kapal korek ini dan telah memberi amaran terhadap beberapa kelemahan-kelemahan terutama di bahagian-bahagian ponton yang bocor, tetapi nasihat dan arahan dari pihak berkuasa Jabatan Galian ini tidak diendahkan oleh pihak majikan ataupun tuanpunya kapal korek ini. Apakah sebenarnya begitu?

**Tuan Megat Junid bin Megat Ayob:** Tuan Yang di-Pertua, Kementerian Perusahaan Utama tidaklah dapat menerima berita-berita yang berasaskan kepada desas-desus, bagaimanapun apabila satu badan penyiasatan terbuka dibuat, barulah dapat kita memastikan bahawa desas-desus itu menjadi kenyataan.

**Tuan Mohd. Yusoff bin Kassim:** Soalan tambahan, Tuan Yang di-Pertua. Benarkah ponton-ponton kapal ini telah lama bocor, disebabkan kebanyakan kerosakan ponton inilah yang diberitahu oleh Timbalan Menteri, maka kejadian ini berlaku? Kenapa pihak syarikat ini telah mengabaikan, iaitu begitu lama ponton-ponton ini telah bocor, tidak diperbaiki dengan segera sehinggalah kemalangan ini berlaku?

**Tuan Megat Junid bin Megat Ayob:** Tuan Yang di-Pertua, tugas Pasukan Petugas Khas yang telah ditubuhkan di mana satu laporan telah dikemukakan adalah semata-mata mencari sebab mengapakah kapal korek ini terbalik. Setelah kita mengetahui mengapa sebab-sebab kanal korek ini terbalik

mengikut cara undang-undang, kita juga haraplah komen-komen lain yang boleh 'prejudice' penyiasatan ini dikurangkan. Dan juga kita pun harap untuk keadilan, satu masa yang cukup diberi kepada Polis untuk menyiasat.

**Tuan Haji Abdul Razak bin Haji Abu Samah:** Tuan Yang di-Pertua, soalan tambahan. Saya ingin bertanya, Jawatankuasa Penyiasatan BMF ini telahpun wujud yang diketuai oleh Ketua Audit Negara telahpun berjalan begitu lama dan baru-baru ini Peguam Negara pula telah mengarahkan pihak Polis untuk menyiasat hal ini. Oleh itu, saya ingin bertanya, tidakkah bercanggah di antara satu dengan lain, bagaimana pula keputusan yang akan datang, BMF mengatakan Polis, Peguam Negara mengatakan begini dan juga mungkin Jawatankuasa Penyiasat mengatakan begini, sehinggakan masalah ini kemungkinan tidak akan berhabis-habisan.

**Dato Dr. Tan Tiong Hong:** Tuan Yang di-Pertua, apa yang disebutkan tidak benar. Tiada apa-apa langkah yang sedang dan telah diambil ada bercanggah atau tidak berkesan. Sebagai satu negara yang berdemokrasi dan mengikut undang-undang, haruslah kita patuh kepada 'provision' atau garis panduan undang-undang. Dan selepas satu Jawatankuasa Penyiasatan membuat laporan, laporan ini haruslah diberi kepada Peguam Negara dan juga pihak yang ada kuasa membuat laporan kepada Polis harus membuat laporan itu. Dan juga mengikut keadaan ini, Bank Bumiputra Malaysia Berhad pun telah buat laporan itu dan kita haraplah Polis akan diberikan masa untuk menyiasat dan mengambil tindakan yang sewajarnya.

**Tuan Haji Ariffin bin Haji Salleh:** Soalan tambahan, Tuan Yang di-Pertua. Saya ingin tahu berapakah perbelanjaan yang sudah dibelanjakan bagi penyiasatan-penyiasatan berkenaan dengan BMF yang telah lalu.

**Dato Dr. Tan Tiong Hong:** Tuan Yang di-Pertua, saya perlukan notis.

### BOT RONDA JABATAN PERIKANAN

**9. Tuan Ahmad bin Othman** minta Menteri Pertanian menyatakan sama ada Kerajaan bercadang hendak menambah bot-bot ronda Jabatan Perikanan yang baru bagi menggantikan bot-bot ronda yang sudah tua dan tidak berkesan dalam memerangi penceroboh dan tekanan dari nelayan asing di sebuah negara jiran; jika ya, bila dan jika tidak, nyatakan sebab-sebabnya.

**Dr. Goh Cheng Teik:** Tuan Yang di-Pertua, Kerajaan memang ada rancangan untuk menggantikan bot-bot ronda Jabatan Perikanan yang sudah tua. Di bawah Rancangan Malaysia Kelima, peruntukan untuk membina 5 buah bot ronda kelas P.A. 45 kaki telah dipohon bagi menggantikan bot-bot kelas sama yang sudah tua. Selain daripada penggantian, Jabatan Perikanan juga telah memohon peruntukan bagi membina 6 buah bot 65 kaki yang baru sebagai tambahan kepada bilangan yang sedia ada untuk menambah kekesanan Bahagian Penguatkuasa, Jabatan Perikanan.

### WANG LOTERI \$32 JUTA

**10. Puan Nen Abidah binti Haji Abdullah** minta Menteri Kebajikan Masyarakat menyatakan sama ada benar bahawa wang loteri sebanyak \$32 juta ringgit masih belum dituntut oleh pemegang-pemegangnya; jika benar nyatakan sama ada Kementerian ini akan menggunakan wang begitu banyak bagi menampung rancangan bantuan yang masih tidak memuaskan.

**Menteri Kehakiman dan Menteri di Jabatan Perdana Menteri (Datuk Dr. James P. Ongkili):** Tuan Yang di-Pertua, sehingga bulan Disember, 1982 wang hadiah loteri yang belum dituntut berjumlah lebih kurang \$32,777,800. Untuk makluman Yang Berhormat,

selepas setiap cabutan loteri diadakan, hasil daripada cabutan-cabutan tersebut, termasuk wang yang tidak dituntut, adalah diserahkan kepada Kementerian Kewangan untuk dikreditkan kepada Kumpulan Wang Disatukan. Hasil daripada cabutan loteri adalah disalurkan oleh Kerajaan untuk mengisi Tabung Amanah di bawah Jabatan Perdana Menteri untuk membiayai aktiviti-aktiviti sosial dan kebajikan.

### BIRO PERKHIDMATAN ANGKASA

**11. Dato' G. Pasamanickam** minta Menteri Pembangunan Negara dan Luar Bandar menyatakan sama ada pihak Kementerian menyedari bahawa sebilangan besar dari ahli-ahli Koperasi merungut dan menyatakan rasa kesal mereka terhadap perkhidmatan Biro Perkhidmatan Angkasa yang amat lembab dan sangat tidak memuaskan bahkan lebih banyak merugikan ahli-ahli Koperasi keseluruhannya; jika sedar nyatakan mengapa Kerajaan tidak menghapuskan sahaja perkhidmatan Biro Perkhidmatan Angkasa ini.

**Timbalan Menteri Perusahaan Utama (Tuan Megat Junid bin Megat Ayob):** Tuan Yang di-Pertua, Kementerian Pembangunan Negara dan Luar Bandar memanglah sedar tentang adanya masalah dan salah faham yang timbul disebabkan oleh sistem potongan dari lambaran gaji yang dijalankan oleh Biro Perkhidmatan Angkasa. Dalam apa juga sistem yang dipakai masalah akan timbul kerana ianya membawa sesuatu perubahan yang memerlukan masa untuk disesuaikan. Walau bagaimanapun, pihak Angkasa adalah memberi perhatian dan mengambil langkah-langkah tertentu bagi mengatasi masalah berkenaan. Kementerian Pembangunan Negara dan Luar Bandar adalah berpendapat bahawa perkhidmatan yang dikendalikan oleh Biro Perkhidmatan Angkasa adalah berjalan dengan baik. Data-data yang diperolehi menunjukkan bahawa:

- (a) Sedutan potongan dari lambaran gaji yang dikendalikan oleh Biro ini telah meningkat dari \$1.3 juta sebulan dalam tahun 1977 kepada \$28.5 juta sebulan pada masa ini.
- (b) Bilangan koperasi yang menggunakan perkhidmatan Biro juga telah bertambah daripada 27 buah dalam tahun 1977 kepada 261 buah dengan jumlah ahli seramai 356,575 orang. Ini menunjukkan bahawa sistem potongan gaji yang dijalankan itu diterima dengan baiknya oleh koperasi-koperasi.

Selain dari itu, perkhidmatan yang diberi oleh Biro ini telah mengurangkan bebanan kerja pemotongan gaji di Jabatan-jabatan Kerajaan manakala koperasi-koperasi pula terus menikmati kemudahan mendapatkan segala bayaran hutang piutang secara pemotongan gaji tanpa ahli-ahli bersusah payah menghantar bayaran ke koperasi setiap bulan. Sebaliknya, koperasi akan mengalami lebih banyak masalah kewangan sekiranya diperlukan mengutip sendiri dari ahli-ahli tanpa melalui potongan gaji. Oleh kerana perkhidmatan Biro ini tidak merugikan ahli-ahli koperasi sama sekali, maka Kementerian ini tidak bercadang mengesyorkan kepada pihak Angkasa supaya menghapuskan perkhidmatan Bironya ini.

### PENGHUNI RUMAH PANGSA

**12. Tuan Haji Abdul Razak bin Haji Abu Samah** minta Menteri Wilayah Persekutuan menyatakan sama ada Kerajaan akan memindahkan penghuni rumah pangsa yang dahulu berkeluarga kecil dan sekarang sudah bertambah besar ke rumah pangsa lain yang ada dua atau tiga bilik tidur dan bilik-bilik yang lebih besar; jika tidak nyatakan sebab-sebabnya.

**Menteri Wilayah Persekutuan (Dato Shahrir bin Abdul Samad):** Tuan Yang di-Pertua, pada dasarnya Kementerian saya memang mempunyai rancangan

untuk memindahkan penghuni-penghuni rumah pangsa yang pada masa ini menduduki rumah pangsa satu bilik tidur kepada dua bilik tidur mengikut keperluan keluarga yang berkenaan. Bagaimanapun dalam melaksanakan program pertukaran ini, ia memerlukan pengambilan kira soal bilangan rumah pangsa yang ada di Kuala Lumpur serta pengisian rumah-rumah pangsa yang baru siap dibina umpamanya, perlulah mengambil kira pemindahan golongan-golongan pertamanya, setinggan yang dipindah kerana terlibat dengan projek Kerajaan, kedua, golongan kakitangan Kerajaan mengikut keperluan perkhidmatan, ketiga, permohonan daripada orang-orang awam, keempat, pertukaran penghuni rumah panjang ke rumah pangsa. Dalam menimbang kes-kes pertukaran penghuni rumah pangsa kepada dua bilik tidur ini ataupun dari rumah panjang ke rumah pangsa pertimbangan adalah dibuat oleh Jawatankuasa Pertukaran Rumah Pangsa berdasarkan kriteria mengikut pemberian mata. Pemberian mata ini adalah di atas tempoh penghunian, kekerapan permohonan serta jumlah tanggungan dari segi anak, ibu-bapa ataupun adik-beradik dan pemberian mata secara negatif juga mengambil kira rekod penyewaan seseorang pemohon itu.

### PENYAKIT HISTERIA

**13. Tuan Haji Abdul Wahab bin Abu Bakar** minta Menteri Pelajaran menyatakan jumlah kejadian serangan penyakit histeria di kalangan penuntut di sekolah berasrama penuh dan juga sekolah-sekolah tak berasrama dan nyatakan juga sama ada Kementerian telah mengenalpasti punca kejadian tersebut dan jika sudah, nyatakan langkah serta tindakan yang positif yang diambil untuk mengurangkan berlakunya kejadian itu.

**Datin Paduka Chow Poh Kheng:** Tuan Yang di-Pertua, setakat ini tiada laporan rasmi yang diterima mengenai

kejadian histeria yang berlaku di sekolah berasrama penuh dan sekolah-sekolah harian biasa.

**Tuan Haji Abdul Wahab bin Abu Bakar:** Soalan tambahan, Tuan Yang di-Pertua. Kita amat terperanjat dengan kenyataan yang dibuat oleh Yang Berhormat Timbalan Menteri kerana suratkhbar begitu lumrah melaporkan kejadian-kejadian ini dan daerah-daerah dengan bantuan polis dan sebagainya telah diketahui umum kejadian ini berlaku di sekolah-sekolah menengah, di sekolah-sekolah berasrama penuh dan sebagainya. Kenapa Kementerian Pelajaran tidak ambil hirau hal ini. Minta penjelasan.

**Datin Paduka Chow Poh Kheng:** Tuan Yang di-Pertua, tadi saya sudah sebut dalam jawapan saya dan apa-apa yang tidak dilaporkan dengan rasmi akan ditimbang sebagai permintaan.

### SERANGAN TANAMAN

**14. Tuan Haji Shaharom bin Maasom** minta Menteri Pertanian menyatakan:

- (a) sejak dari tahun bila serangga atau makhluk perosak tanaman disedari menyerang tanaman seperti getah, kelapa, kelapa sawit, padi dan lain-lain dalam negara ini dan dari mana pula datangnya makhluk perosak ini;
- (b) sama ada Kerajaan dapat menjalankan usaha-usaha untuk memusnahkan kesemuanya makhluk perosak ini; dan
- (c) jumlah taksiran kerugian setiap tahun yang dialami oleh petani disebabkan serangan makhluk perosak ini.

**Dr. Goh Cheng Teik:** Tuan Yang di-Pertua,

- (a) Usaha-usaha pengenalan serangga dan makhluk perosak tanaman mula dikenal pasti pada awal tahun 20an. Umpamanya, perosak getah ia telah dikenal

pada tahun 1977 dan perosak kelapa sawit pada tahun 1923. Sebahagian besar makhluk perosak ini adalah sedia ada di negara ini dan sebahagian yang lain masuk ke negara ini dengan berbagai-bagai cara seperti dibawa oleh angin dan arus laut.

- (b) Kerajaan melalui Jabatan Pertanian mempunyai berbagai-bagai teknik kawalan yang berkesan terhadap kesemua makhluk perosak tanaman utama di negara kita. Satu 'Modus Operandi' kawalan makhluk perosak yang menyeluruh dan berkesan telah disediakan oleh Jabatan Pertanian untuk jangka pendek dan panjang bagi pengawalan makhluk-makhluk perosak tersebut. Pelaksanaan 'Modem Operandi' ini sedang dijalankan dan dipertingkatkan dari masa ke semasa. Biasanya tanaman-tanaman yang diserangi oleh perosak adalah padi dan koko.
- (c) Kerugian hasil tanaman, terutamanya padi bagi setiap tahun di Semenanjung Malaysia adalah dianggarkan berjumlah \$20 hingga \$30 juta. Pada tahun 1982 seluas 38,683 hektar tanaman padi telah diserang oleh makhluk-makhluk perosak seperti penyakit merah, bena perang, bena belakang putih, tikus, kutu berang dan sebagainya. Serangan-serangan ini telah mengakibatkan kerugian hasil yang dianggarkan sebanyak \$31 juta.

Pada tahun 1983 kerugian hasil tanaman padi oleh perosak-perosak yang sama adalah seluas 37,515 hektar yang mana kerugian hasil dianggarkan sebanyak \$23.2 juta. Bagi koko pula setakat ini lebih kurang 4,000 hektar di Sabah telah diserang oleh pengorek

buah koko yang mengakibatkan kerugian sehingga 50% jumlah hasil pengeluaran. Anggaran kerugian adalah sebanyak \$2½ juta. Bagi tanaman-tanaman lain seperti getah, kelapa sawit, lada hitam dan sayur-sayuran serangan dan kerugian didapati adalah sangat minima.

### LANDASAN KECIL KAPAL TERBANG

**15. Tuan Jaafar bin Harun** minta Menteri Pengangkutan menyatakan sebab-sebab Kerajaan tidak bercadang membina landasan kecil kapal terbang di Negeri Sembilan dan nyatakan juga landasan-landasan kecil yang telah dibina dalam Malaysia ini dan perbelanjaan bagi tiap-tiap sebuah landasan itu.

**Menteri Pengangkutan (Tan Sri Chong Hon Nyan):** Tuan Yang dipertua, kebanyakan daripada padang terbang ataupun landasan terbang kecil yang terdapat di negara ini, khususnya di Semenanjung Malaysia telah dibina semasa British dan semasa darurat dahulu atas sebab-sebab keperluan keselamatan dan kecemasan. Dewasa ini terdapat 42 buah landasan-landasan terbang kecil iaitu 18 buah di Semenanjung Malaysia, 10 buah di Sabah dan 14 buah di Sarawak. Sungguhpun demikian, kecuali di Sabah dan Sarawak di mana padang terbang tersebut digunakan oleh perkhidmatan berjadual luar bandar oleh MAS, padang terbang kecil di Semenanjung Malaysia hanyalah digunakan oleh syarikat-syarikat penerbangan kecil tempatan yang menggunakan pesawat-pesawat ringan bagi mengendalikan penerbangan-penerbangan sewa khas secara, dengan izin, ad hoc mengikut keperluan-keperluan dari masa ke semasa.

Oleh kerana di Semenanjung Malaysia terdapat corak pengangkutan darat seperti perhubungan jalan raya ada keretapi yang memuaskan dari segi memenuhi keperluan penduduk-penduduk, maka Kerajaan tidak

bercadang untuk membina landasan-landasan kecil baharu di Semenanjung dan ini termasuklah Negeri Sembilan buat masa ini.

Sungguhpun demikian sekiranya terdapat ada keperluan untuk mengadakan landasan-landasan kecil bagi tujuan-tujuan tertentu yang mempunyai asas-asas yang kuat, cadangan tersebut bolehlah ditimbang. Seperti yang saya telah sebutkan tadi oleh kerana landasan-landasan terbang kecil yang ada sekarang ini telah dibina sejak beberapa tahun yang lalu tidaklah dapat Kementerian Pengangkutan memberi perbelanjaan pembinaan bagi setiap landasan terbang tersebut itu.

Seperti Yang Berhormat sedia maklum, kos pembinaan bagi suatu landasan terbang akan berbeza dari satu landasan dengan satu landasan yang lain kerana ianya adalah bergantung kepada faktor-faktor fizikal kawasan-kawasan tersebut.

**Tuan Yang di-Pertua:** Ahli-ahli Yang Berhormat, masa telah cukup.

*(Masa untuk Pertanyaan bagi Jawab Mulut sudah cukup dan Jawapan bagi Pertanyaan No. 16 hingga 27 adalah diberi di bawah ini)*

#### KAMPUCHEA – PENDAPAT ASEAN

**16. Tuan Basharon bin Hanafiah** minta Menteri Luar menyatakan sama ada Malaysia bersama-sama dengan negara-negara anggota ASEAN yang lain telah bersetuju dengan rancangan pengerusi Jawatankuasa Antarabangsa Mengenai Kampuchea (ICK) Willibald Pahr yang telah menawarkan rancangan barunya untuk menyelesaikan masalah Kampuchea dengan menjadi Wat Gajah Puteh sebagai kawasan damai untuk menyatakan kemajuan yang dicapai setakat ini. Jika betul sedemikian apa pula kesudahannya.

**Tengku Dato' Ahmad Rithaudeen Al-Haj:** Cadangan Encik Willibald Pahr, Pengerusi Antarabangsa mengenai Kampuchea untuk menjadikan Wat Gajah Puteh atau Angkor Wat sebagai kawasan damai di Kampuchea telah disambut baik oleh Malaysia dan juga oleh negara-negara ASEAN yang lain. ASEAN berpendapat bahawa cadangan itu adalah suatu cadangan yang baik yang mana bukan sahaja boleh memelihara dan melindungi Wat yang mempunyai kesan sejarah yang begitu penting itu tetapi juga membuka jalan serta memperbaiki suasana ke arah proses penyatuan semula rakyat Kampuchea dan penyelesaian masalah tersebut.

Menteri-Menteri Luar ASEAN seterusnya telah mengarahkan Pegawai-pegawai Kanan mereka untuk membuat satu kajian yang mendalam mengenai cadangan tersebut, termasuk segala implikasinya. Adalah menjadi harapan kita semua semoga cadangan tersebut disokong dan diterima oleh semua pihak-pihak yang berkaitan dengan soal Kampuchea, terutama puak-puak Kampuchea sendiri.

#### MARDI – PENYELIDIKAN PADI

**17. Tuan Mohd. Noor bin Bedah** minta Menteri Pertanian menyatakan:

- (a) kemajuan yang dicapai dalam usaha penyelidikan yang dijalankan oleh MARDI berhubung dengan peningkatan hasil padi/mutu beras, serta pengeluaran hasil buah-buahan tempatan;
- (b) Samada Kerajaan akan memperbesarkan tugas penyelidikan pertanian yang sekarang dijalankan oleh MARDI selaras untuk pencapaian dalam melaksanakan Dasar Pertanian Negara;
- (c) dan samada Kerajaan akan menggunakan tenaga nuklear bagi tujuan-tujuan penyelidikan dan pembangunan pertanian negara.

**Tuan Anwar bin Haji Ibrahim:**

- (a) Di dalam penyelidikan yang dijalankan oleh MARDI beberapa kemajuan telah dicapai berhubung dengan peningkatan hasil padi dan mutu beras. Jenis-jenis padi yang bermutu dan mempunyai keupayaan hasil yang lebih baik telah dapat dihasilkan. Di antara baka-baka yang dikeluarkan ialah Masria (1972), Murni (1973), Seri Malaysia I (1974), Seri Malaysia II (1974) dan Pulut Malaysia (1974). Pada akhir tahun 1979, tiga lagi jenis padi baru iaitu, Sekencang, Sekembang dan Setanjung telah diisytiharkan. Dalam tahun 1981, dua jenis padi baru disytiharkan iaitu Kadaria di Kelantan dan Pulut Siding di Perlis. Di awal tahun 1984, tiga jenis lagi telah diumumkan iaitu Manik, Muda dan Seberang yang berkeupayaan memberi hasil setinggi 5.0 – 6.5 tan/hektar.

Penyelidikan buah-buahan pula telah menghasilkan beberapa jenis buah-buahan yang lebih baik. Jenis baru nenas, hasil dari kacukan jenis Sarawak dengan Singapore Spanish telah diperolehi. Ianya mempunyai mutu dan saiz buah yang lebih baik daripada jenis Singapore Spanish yang diterima sekarang. Jenis betik baharu, hasil kacukan daripada jenis Subang 6 dan jenis Hawaiian Solo, telah diperolehi dan didapati sesuai untuk hidangan di restoran-restoran dan hotel. Bagi tanaman gajus, jenis CII yang berhasil tinggi telah didapati dan disebarkan untuk tanaman komersial.

Kajian juga telah dijalankan ke atas buah-buahan temperate dan terdapat sekurang-kurangnya dua jenis epal yang mempunyai potensi. Buah pisang kaki dan buah pear jenis China juga didapati mengeluarkan hasil yang

menggalakkan di Cameron Highlands.

- (b) Selaras dengan hasrat Dasar Pertanian negara (DPN), beberapa program penyelidikan oleh MARDI telah dipertingkatkan iaitu bagi komoditi sayur-sayuran dan buah-buahan disamping terus memberi ketutamaan kepada penyelidikan padi, koko, tembakau, ternakan dan teknologi makanan.
- (c) Kaedah tenaga nuklear telah digunakan untuk penyelidikan di dalam beberapa bidang yang tertentu, dan di mana sesuai, teknologi ini akan diedarkan untuk penggunaan yang lebih luas.

**DASAR PANDANG KE TIMUR**

**18. Puan Hajjah Hafsah binti Osman** minta Menteri Dalam Negeri menyatakan semenjak Kerajaan Malaysia mengubah dasar pandang ke Timur, berapa ramaikah warganegara Jepun yang telah berhijrah dan tinggal di Malaysia dan berapa ramaikah yang berkeluarga dan yang masih bujang.

**Dato' Musa Hitam:** Semenjak Kerajaan Malaysia melaksanakan Dasar Pandang ke Timur, Kementerian Dalam Negeri masih belum mengesan atau menerima permohonan dari warganegara Jepun untuk berhijrah tinggal di Malaysia.

**PERKHIDMATAN KERETAPI  
– MEMODENKAN**

**19. Toh Muda Dr. Abdullah Fadzil Che Wan** minta Kerajaan Pengangkutan menyatakan langkah-langkah, program dan jadual bagi memodenkan Keretapi Tanah Melayu (KTM).

**Tan Sri Chong Hon Nyan:** Kerajaan memang mempunyai rancangan untuk memodenkan perkhidmatan keretapi masa kini dan telah merancang tindakan daripada 2 segi strategi, iaitu untuk jangka masa pendek dan jangka masa panjang.

Bagi jangkamasa pendek, rancangan-rancangan untuk memodenkan perkhidmatan keretapi termasuklah perkara-perkara berikut:-

1. Pembelian jentera-jentera penyelenggaraan landasan;
2. Menukar alat-alat dan sistem persembayanan dan perhubungan;
3. Pembelian lokomotif, koc-koc dan gerabak-gerabak baru;
4. Memperbaharui dan mengganti landasan serta kelengkapannya;
5. Memperbaiki dan memperindahkan bangunan-bangunan dan stesen-stesen keretapi;
6. Membina yad untuk perkhidmatan pengendalian kargo kontena;
7. Mengadakan sistem penjualan dan penempahan tiket dengan menggunakan mesin; dan
8. Menggunakan alat komputer untuk operasinya.

Sebahagian daripada rancangan-rancangan ini telah dan sedang dijalankan dan yang lainnya akan dilaksanakan dengan seberapa segera yang boleh, tertakluk kepada peruntukan kewangan yang mencukupi.

Untuk jangkamasa panjang pula, Kerajaan telahpun mengkaji kemungkinan untuk mengadakan landasan berkembar tolok "standard" dan kelengkapan elektrik bagi perkhidmatan keretapi yang baru. Pihak Kerajaan Jepun, melalui Agensi Kerjasama Antarabangsa Jepun atau JICA sedang membuat kajian sewajarnya.

### UNJANG NELAYAN YANG MUSNAH

**20. Tuan Haji Abdul Jalil bin Abdul Rahman** minta Menteri Pertanian menyatakan samada benar lapuran yang menyatakan sebanyak 600,000

unjang nelayan Pantai Timur musnah setiap tahun yang bernilai \$18,000,000.00 akibat dari pencerobohan nelayan-nelayan asing, jika benar apakah langkah-langkah yang berkesan telah diambil untuk mencegah perbuatan yang menyebabkan kerugian besar ditanggung oleh nelayan dan hasil negeri.

**Tuan Anwar bin Haji Ibrahim:** Kenyataan iaitu sebanyak 600,000 unjang nelayan kita yang bernilai 8 juta ringgit dimusnahkan setiap tahun di Pantai Timur akibat dari pencerobohan dari nelayan-nelayan asing adalah kurang tepat. Memang benar nelayan-nelayan asing khususnya daripada negara-negara jiran sentiasa mencero bohi perairan Malaysia dan memusnahkan unjang-unjang nelayan tempatan.

Unjang yang sebenar dirosakkan oleh nelayan asing di Kelantan, Terengganu dan Pahang adalah 1554 unjang bernilai \$93,485.00 pada tahun 1983 dan 9 unjang bernilai \$7,215.00 pada Januari hingga Ogos tahun 1984. Kebanyakan unjang yang dirosakkan itu adalah di Trengganu.

Langkah-langkah yang diambil untuk mencegah pencerobohan-pencerobohan ini merupakan rondaan-rondaan di Perairan Malaysia oleh Jabatan Perikanan, Polis Laut dan Tentera Laut. Untuk meningkatkan lagi kecekapan dan rondaan-rondaan oleh ketiga-tiga badan tersebut Kerajaan telah menubuhkan satu badan penyelaras bernama Pusat Penyelaras Penguatkuasaan Maritim (PPPM) yang berpusat di Lumut. Tugas PPPM ini adalah bagi membentaras pencerobohan nelayan asing dengan lebih berkesan lagi.

Selain daripada langkah-langkah rondaan Kerajaan Malaysia juga telah menubuhkan satu Jawatankuasa Kecil di bawah Jawatan Duahala mengenai pertanian Malaysia-Thailand untuk menyelesaikan masalah-masalah perikanan di antara dua buah negeri ini. Jawatankuasa Kecil ini ada dua pejabat

'Liason' yang bertempat di Satun dan di Narathiwat.

Selain dari segi keselamatan nelayan sendiri, Kerajaan juga telah melengkapkan sebagai peringkat pertama sebanyak 10 bot nelayan Terengganu dengan radio set bagi membolehkan nelayan-nelayan tempatan melapurkan dengan cepat kegiatan-kegiatan nelayan asing di perairan Malaysia. Tindakan akan diperluaskan lagi di masa-masa akan datang.

### DELEGASI MALAYSIA DI PERSIDANGAN FILIPINA

**21. Tuan K. Kumaran** minta Menteri Luar Negeri menyatakan sama ada beliau berpuashati tentang keselamatan para peserta dan delegasi dari Malaysia menghadiri sebarang persidangan di Filipina berikutan dengan beberapa kebakaran di hotel-hotel negara itu baru-baru ini, nyatakan juga sama ada beliau akan mengkaji kemungkinan menghalang peserta dan delegasi sebarang pertubuhan dari Malaysia menghadiri persidangan di negara itu berikutan dengan kejadian-kejadian itu.

**Tengku Dato' Ahmad Rithauddeen Al-Haj:** Mengenai keselamatan bagi para peserta yang menghadiri sebarang persidangan di Filipina, ingin saya menyatakan bahawa kejadian kebakaran hotel-hotel dan pusat membeli-belah seperti yang berlaku di Filipina baru-baru ini boleh berlaku di mana-mana sahaja termasuklah di negara kita. Dari itu terpulanglah kepada pihak berkuasa tempatan untuk mengambil langkah-langkah keselamatan yang sewajarnya ke atas bangunan-bangunan tersebut supaya kejadian-kejadian buruk seumpama itu tidak berulang lagi.

Kementerian ini tidak bercadang untuk menghalang peserta dan delegasi dari Malaysia untuk menghadiri persidangan-persidangan di Filipina. Sungguhpun begitu saya ingin menasihatkan kepada mereka yang akan pergi ke sana supaya berhati-hati dan

berwaspada mengenai keselamatan diri mereka kerana dengan adanya langkah berjaga-jaga itu mungkin seseorang itu akan terlepas dari sesuatu bencana atau kemalangan yang tidak disangka-sangka. Pada keseluruhannya Kerajaan yakin bahawa keadaan keselamatan di Filipina adalah terkawal dan para peserta yang berkaitan tidak perlu bimbang dengan masalah yang dibangkitkan itu.

### KURIKULUM BARU SEKOLAH RENDAH - PERCUBAAN

**22. Tuan Fadzil bin Mahmood** minta Menteri Pelajaran menyatakan sama ada murid-murid Kurikulum Baru Sekolah Rendah (KBSR) percubaan yang dimulakan dalam tahun 1982 dan sekarang dalam Darjah 3 akan mengambil peperiksaan penilaian bersama dengan murid-murid Darjah V Kurikulum Lama Sekolah Rendah (KLSR) pada tahun 1985, kalau tidak bagaimanakah murid-murid Kurikulum Baru Sekolah Rendah (KBSR) ini.

**Dato' Abdullah bin Haji Ahmad Badawi:** Murid-murid dalam kumpulan percubaan Kurikulum Baru Sekolah Rendah (KBSR) tidak akan mengambil peperiksaan Ujian Penilaian Darjah V bersama murid-murid Kurikulum Lama Sekolah Rendah (KLSR) dalam tahun 1986. Murid-murid ini akan menduduki Ujian Pencapaian Sekolah Rendah (UPSR) iaitu satu peperiksaan baru akan diadakan pada akhir Tahap 2 (Tahun 6) 1987.

### JAWATANKUASA MENKGAJI PINDAAN UNDANG-UNDANG

**23. Puan Lim Sean Lean** minta Perdana Menteri menyatakan samada beliau telah menubuhkan atau bercadang untuk menubuhkan sebuah jawatankuasa demi mengkaji pindaan-pindaan yang telah diusulkan ke atas 3 jenis undang-undang berikut yang berhubungkait dengan kebajikan kaum wanita:-

- (i) Ordinan Pembahagian 1958 (The 1958 Distribution Ordinance);
- (ii) Akta Penjagaan Kanak-kanak 1961 (The Guardianship Act); dan
- (iii) Kod Panel (F.M.S. Cap.45) Seksyen 375 & 376 dan siapakah pula yang menganggotai jawatankuasa itu.

**Perdana Menteri:** Kerajaan tidak bercadang untuk menubuhkan satu jawatankuasa untuk mengkaji pindaan-pindaan ke atas ketiga-tiga undang-undang yang disebutkan oleh Yang Berhormat Senator Puan Lim Sean Lean itu.

Walaupun bagaimanapun, undang-undang tersebut sedang dikaji dan pihak-pihak yang tertentu seperti Majlis Peguam Malaysia telah dihubungi untuk mendapatkan pandangan serta ulasan.

#### KERETAPI TANAH MELAYU - KERUGIAN

**24. Puan Rokiah binti Zainuddin** minta Menteri Pengangkutan menyatakan memandangkan kita sering mendengar laporan bahawa Keretapi Tanah Melayu mengalami kerugian bolehkah beliau memberitahu perjalanan KTM dari sektor mana ke mana yang kurang mendapat sambutan dari orang ramai yang mana mengakibatkan kerugian kepada KTM.

**Tan Sri Chong Hon Nyan:** Terdapat beberapa sektor Sistem Keretapi Tanah Melayu di Pantai Timur, Negeri Kedah dan Perak yang tidak ekonomi untuk dikendalikan oleh kerana kurangnya sambutan daripada penumpang-penumpang menggunakan perkhidmatan di kawasan-kawasan tersebut. Namun begitu, perkhidmatan-perkhidmatan di kawasan-kawasan yang saya sebutkan tadi masih diteruskan kerana Keretapi Tanah Melayu seharusnya menyediakan perkhidmatan sosial kepada orang ramai, walaupun mengalami kerugian.

Pertimbangan yang sewajarnya akan diberi dari masa ke semasa untuk memastikan samada sektor-sektor tertentu patut dihentikan oleh kerana kerugian yang berterusan. Walaupun demikian, semua faktor-faktor akan dipertimbangkan sebelum perkhidmatan sesuatu sektor itu dihentikan.

#### MAS - MINUMAN KERAS DALAM PENERBANGAN

**25. Datuk Ishak bin Abdul Rahman** minta Menteri Pengangkutan menyatakan adakah pihak MAS bercadang untuk menghentikan hidangan minuman keras dalam penerbangan-penerbangan luar negeri.

**Tan Sri Chong Hon Nyan:** Adalah menjadi amalan biasa oleh syarikat-syarikat penerbangan antarabangsa untuk mengadakan minuman keras selain daripada minuman ringan dalam penerbangan-penerbangan mereka sebagai satu perkhidmatan kepada penumpang-penumpang.

Sebagai sebuah syarikat penerbangan yang mempunyai rangkaian perkhidmatan antarabangsa yang luas, MAS juga perlu mengikut amalan tersebut untuk mengekalkan pesaingannya dengan perkhidmatan-perkhidmatan yang diberikan oleh syarikat-syarikat penerbangan asing, memandangkan bahawa penumpang-penumpang yang dibawa oleh MAS dalam penerbangan antarabangsa terdiri daripada berbagai bangsa.

Sungguhpun demikian, suka saya jelaskan di sini bahawa minuman keras yang diadakan oleh MAS dalam penerbangan-penerbangan antarabangsanya itu hanyalah diberi kepada penumpang-penumpang atas permintaan mereka sahaja.

#### INSTITUSI HUBUNGAN BANGSA - PENUBUHAN

**26. Tuan Tan Chang Soong** minta Perdana Menteri menyatakan sama ada

pihak Kerajaan akan menubuhkan sebuah Institusi Hubungan Bangsa (Institute of Race Relations) demi mengkaji dengan secara objektif masalah-masalah hubungan kaum yang berlaku di antara pelbagai komuniti yang berbilang kaum di negara ini, khususnya apabila kekhawatiran orang ramai terhadap masalah polarisasi kaum di negara ini semakin meningkat.

**Datuk Dr James P. Ongkili:** Selain daripada Jabatan Perpaduan Negara yang bertanggungjawab mengesan dan menganalisa masalah-masalah perhubungan kaum dinegara telah ujud pusat-pusat pengajian perhubungan kaum di universiti-universiti tempatan seperti Universiti Malaya, Universiti Kebangsaan Malaysia, Universiti Sains Pulau Pinang. Jabatan Perpaduan Negara sentiasa berhubung rapat dengan pusat-pusat pengajian tersebut untuk membuat kajian-kajian mengenai masalah perhubungan kaum di negara ini dari semasa ke semasa. Jabatan Perpaduan Negara dibantu oleh sebuah Panel Penasihat Perpaduan Negara yang ahlinya terdiri daripada individu-individu yang arif tentang masalah-masalah perpaduan kaum. Di samping itu Institut Pengajian Strategik Dan Antarabangsa (ISIS) juga membuat kajian mengenai masalah perhubungan kaum di negara ini.

Oleh itu tidaklah perlu ditubuhkan lagi sebuah Institut Perhubungan Kaum di negara ini.

### PENAGIH DADAH – BANTUAN

**27. Tuan Loo Swee Mok** minta Menteri Kebajikan Masyarakat menyatakan sama ada pihak Kementerian akan memberi batuan kepada keluarga penagih dadah jika seseorang penagih memohon secara sukarela untuk mendapat rawatan pemulihan di Pusat Pemulihan dan kedudukan keluarganya amat sukar, supaya penagih-penagih digalakkan mendapat rawatan pemulihan.

**Dato' Abu Hassan bin Haji Omar:** Kementerian Kebajikan Masyarakat mengeluarkan berbagai jenis bantuan kewangan untuk membantu keluarga-keluarga yang dzaif. Bantuan tersebut diberi kepada keluarga yang layak dan memerlukannya termasuklah kepada keluarga penagih dadah.

### USUL

#### UCAPAN TAHNIAH KEPADA D.Y.M.M. SERI PADUKA BAGINDA AL-MUTAWAKKIL ALALLAH SULTAN ISKANDAR, YANG DI-PERTUAN AGONG KELAPAN ATAS PERLANTIKANNYA – IKRAR TAAT SETIA

3.42 ptg.

**Menteri Kehakiman dan Menteri di Jabatan Perdana Menteri (Datuk Dr. James P. Ongkili):** Tuan Yang di-Pertua, bagi pihak Yang Berhormat Perdana Menteri, saya dengan amat sukacita mengemukakan Usul seperti berikut:

“Bahawa suatu ucapan setinggi-tinggi tahniah dan lafaz ikrar taat setia Dewan ini dipersembahkan kepada Duli Yang Maha Mulia Seri Paduka Baginda Al-Mutawakkil Alallah Sultan Iskandar atas pemilihan Baginda menyandang jawatan Yang di-Pertuan Agong Malaysia.”

Tuan Yang di-Pertua, pada 15hb. November yang lalu seluruh rakyat Malaysia dari Perlis hingga ke Sabah telah merayakan dengan penuh kegembiraan dan kesyukuran pertabalan Duli Yang Maha Mulia Seri Paduka Baginda Al-Mutawakkil Alallah Sultan Iskandar sebagai Yang di-Pertuan Agong Yang Kelapan. Dalam gema suara seruan Daulat Tuanku di Balairong Seri Istana Negara pada pagi yang bersejarah itu maka tersebarlah bukti ke seluruh dunia bahawa institusi

Raja berperlembagaan tetap menjadi tunggak kuasa dalam sistem Demokrasi Berparlimen yang kita amalkan sejak merdeka 27 tahun lamanya.

Duli Yang Maha Mulia Seri Paduka Baginda Sultan Iskandar mempunyai beberapa keistimewaan yang dikagumi oleh kita semua. Seri Paduka Baginda pernah menjadi pegawai pentadbir di Negeri Johor pada pertengahan tahun 50an sekembali Baginda dari luar negeri. Seri Paduka Baginda juga pernah mencebur diri dengan jayanya dalam bidang perniagaan. Pengetahuan Seri Paduka Baginda dalam bidang ketenteraan sangat mendalam dan Baginda pernah menjadi pemimpin askar timbalan setia Negeri Johor. Seri Paduka Baginda juga pernah menjadi pegawai dalam pasukan simpanan Tentera Laut Di-Raja Malaysia (TLDM) dan Kolonel Yang di-Pertua Rejimen Gerakkhas Malaysia.

Di samping itu, Seri Paduka Baginda merupakan seorang ahli dalam beberapa jenis sukan. Seri Paduka Baginda juga merupakan seorang pemandu kapal terbang yang bertauliah. Kemampuan Seri Paduka Baginda mendisiplinkan diri untuk mempelajari dan menguasai bidang-bidang yang diminati secara bersungguh-sungguh sehingga berjaya patut menjadi peransang dan teladan kepada kita semua. Bak kata pepatah, di mana ada kemahuan di situ ada jalan.

Tuan Yang di-Pertua, dalam tempoh pemerintahan Seri Paduka Baginda, Kerajaan akan terus membangunkan negara melalui pelaksanaan Rancangan Keempat dan seterusnya Rancangan Malaysia Kelima. Dalam melaksanakan amanah ini kita semua perlu bekerja lebih kuat ke arah menjadikan negara kita lebih aman, makmur, bersatu padu dan bermaruah. Perlulah kita mengamalkan konsep Bersih, Cekap dan Amanah tanpa ragu-ragu. Dalam pada itu sebagaimana yang diserukan oleh Seri Paduka Baginda, Perlulah kita mengamalkan sifat-sifat

kesederhanaan dalam tindak tanduk dan tutur kata kita bagi memupuk keharmonian dan mengelakkan perpecahan dan persengketaan. Persengketaan akan membawa kemusnahan kepada negara dan bangsa. Dengan izin Tuhan, dengan berkat kedaulatan pemerintahan Seri Paduka Baginda dengan kegigihan kita bersama berusaha kita yakin bahawa kita akan berjaya.

Tuan Yang di-Pertua, bagi pihak Dewan yang mulia ini saya dengan perasaan penuh ikhlas mempersembahkan ucapan setinggi-tinggi tahniah dan ikrar taat setia kepada Duli Yang Maha Mulia Seri Paduka Baginda Al-Mutawakkil Alallah Sultan Iskandar atas pemilihan Baginda sebagai Yang di-Pertuan Agong Yang Kelapan Semoga Tuhan sentiasa memberkati pemerintahan Seri Paduka Baginda sebagai payung negara, lambang perpaduan dan tumpuan taat setia rakyat yang cintakan keamanan dan kemajuan.

Semoga Tuhan sentiasa melindungi Seri Paduka Baginda dan Seri Paduka Baginda Raja Permaisuri Agong agar selamat sejahtera bersemayam di atas Takhta Kerajaan Malaysia dengan penuh daulat dan kebesaran.

Tuan Yang di-Pertua, saya mohon mencadangkan.

3.49 ptg.

**Timbalan Yang di-Pertua (Tan Sri Dato Sulaiman bin Ninam Shah):** Bismillahir-rahmanir-rahim. Tuan Yang di-Pertua, terlebih dahulu, saya mengucapkan ribuan terima kasih kerana diberi peluang untuk menyokong Usul yang dibawa oleh Yang Berhormat Menteri Kehakiman dan Menteri di Jabatan Perdana Menteri, Datuk Dr. James P. Ongkili yang berbunyi:

Bahawa suatu ucapan setinggi-tinggi tahniah dan lafaz ikrar taat setia Dewan ini mempersembahkan kepada Duli Yang Maha Mulia Seri Paduka Baginda Al-Mutawakkil Alallah Sultan Iskandar atas

pemilihan Baginda menyandang jawatan Yang di-Pertua Agong Malaysia.

Lebih-lebih lagi saya berasa bangga dan besar hati kerana saya lebihkurang dua tahun tidak ada peluang hendak berucap dalam Dewan ini oleh sebab saya telah dilantik menjadi Timbalan Yang di-Pertua Dewan (*Ketawa*). Maka ini peluang yang baik yang diberi kepada saya dan saya mengucapkan berbilang-banyak terima kasih, lebih-lebih lagi saya sendiri pun datangnya daripada anak Negeri Johor. Jadi ini adalah penghargaan yang besar kepada saya menyokong atas usul ini.

Duli Yang Maha Mulia Seri Paduka Baginda Al-Mutawakkil Alallah Sultan Iskandar telah ditabalkan pada hari Khamis, 15hb November, 1984 di Istana Negara, Kuala Lumpur. Baginda merupakan Sultan Johor yang pertama sekali dipilih sebagai Duli Yang Maha Mulia Seri Paduka Baginda Yang di-Pertuan Agong setelah tanahair kita Malaysia mencapai kemerdekaan selama 27 tahun dahulu.

Duli Yang Maha Mulia adalah seorang Raja yang bijaksana. Saya berasa bangga kerana Duli Yang Maha Mulia bukan sahaja bijak dalam segi pentadbiran negara tetapi juga bijak di dalam lapangan tentera sama ada tentera darat, laut ataupun udara.

Pengetahuan Baginda bukan sahaja daripada segi pengetahuan teori bahkan termasuk praktikalnya sekali. Baginda dengan senang boleh memandu kapal laut, kapal terbang, helikopter, lebih-lebih lagi apa juga kenderaan angkatan di darat.

Baginda aktif di dalam lapangan sukan seperti bola sepak, golf, kapal layar dan lain-lain lagi.

Dari segi keagamaan, Baginda sangat mengambil berat di dalam hal ehwal agama Islam. Rakyat jelata sangat-sangat kasih dan sayang oleh kerana Baginda kerap kali membaca khutbah sendiri di merata-rata masjid dalam negeri Johor.

Duli Yang Maha Mulia juga sangat-sangat mengambil berat atas hal ehwal rakyat jelata terutama sekali di luar bandar. Duli Yang Maha Mulia melawat ke luar bandar bukan sahaja menaiki kereta, bahkan dengan berjalan kaki, naik basikal dan juga motosikal. Ini menunjukkan yang Duli Yang Maha Mulia sangat-sangat mengambil berat atas kehidupan rakyat jelata dalam negara ini.

Tuan Yang di-Pertua, mudah-mudahan di dalam pemerintahan Duli Yang Maha Mulia selama lima tahun yang akan datang ini, tanahair kita akan lebih maju dan makmur daripada sekarang serta dapat meninggikan taraf hidup rakyat jelata dan kita sekalian hidup di dalam harmoni antara semua kaum di negeri ini.

Saya suka juga, Tuan Yang di-Pertua, membawa satu-dua contoh baru-baru ini yang dilakukan oleh Duli Yang Maha Mulia Seri Paduka Baginda Yang di-Pertuan Agong yang patut kita teladani. Umpamanya, dengan sukarela Duli Yang Maha Mulia Seri Paduka Baginda Yang di-Pertuan Agong mendermakan segala pendapatan yang diperolehi oleh Baginda dalam masa 5 tahun menjadi Yang di-Pertuan Agong kepada Yayasan Pelajaran. Ini satu contoh pengorbanan yang sangat-sangat kita hargai dan dijunjung tinggi oleh rakyat tanahair kita. Maka dengan itu beberapa banyak anak-anak kita di negara ini dapat lagi melanjutkan pelajaran yang tinggi.

Selain daripada itu, sambutan Hari Pertabalan Duli Yang Maha Mulia baru-baru inipun diadakan dengan sederhana sahaja. Ini untuk menyelamatkan wang Kerajaan dalam keadaan negara menghadapi ke-melesatan pada masa ini. Ini menunjukkan, saya tidak hendak bercakap dengan lebih panjang lagi sungguhpun saya boleh bercakap berjam-jam di sini, tetapi memadai dengan satu-dua contoh yang saya bawa, mudah-mudahan dalam pemerintahan Duli Yang Maha Mulia Seri Paduka Baginda Yang di-Pertuan Agong selama 5 tahun ini

negara ini akan maju dan jaya lebih-lebih lagi pada masa yang akan datang.

Tuan Yang di-Pertua, bagi pihak seluruh ahli-ahli Parti UMNO Dalam Dewan yang mulia ini khasnya dan seluruh negara amnya dan bagi pihak saya sendiri berdoa kepada Allah s.w.t. semoga Duli-duli Yang Maha Mulia Seri Paduka Baginda Yang di-Pertuan Agong Raja Permaisuri Agong diberi taufiq dan hidayat untuk memimpin negara kita ke arah mencapai tahap kemakmuran yang lebih tinggi lagi dan di samping itu saya ingin melafazkan junjung kasih dan penghargaan yang setinggi-tingginya kepada Baginda berdua yang telah ditabalkan pada hari Khamis, 15hb November, 1984.

Tuan Yang di-Pertua, saya mohon menyokong Usul ini.

*3.56 ptg.*

**Tuan Haji Latip bin Haji Dris (Mukah):** Tuan Yang di-Pertua, saya bangun turut menyokong dengan ringkasnya Usul Ucapan Tahniah yang dibentangkan oleh yang Berhormat Menteri Kehakiman dan Menteri di Jabatan Perdana Menteri sebentar tadi atas pilihan dan lantikan Duli Yang Maha Mulia Seri Paduka Baginda Yang di-Pertuan Agong kelapan sempena Hari Pertabalan Seri Paduka Baginda pada 15hb November, 1984.

Kami ahli-ahli Parti Pesaka Bumi-putra Bersatu Sarawak (PBB) khasnya dan rakyat negeri Sarawak amnya, adalah berikrar taat setia yang tidak berbelah bahagi atas lantikan Seri Paduka Baginda sebagai Raja yang berdaulat menjadi lambang perpaduan negara. Kami juga sentiasa menyokong kedaulatan Raja-raja Melayu mengikut Perlembagaan Negara ini.

Tuan Yang di-Pertua, Duli Yang Maha Mulia Seri Paduka Baginda Yang di-Pertuan Agong dan Duli Yang Maha Mulia Raja Permaisuri Agong sekarang telah mendapat pujian yang begitu

tinggi daripada seluruh rakyat negara ini atas keikhlasan hati Seri Paduka Baginda berdua mendermakan elaun perkhidmatan sebagai Yang di-Pertuan Agong dan Raja Permaisuri Agong selama 5 tahun yang berjumlah hampir \$4 juta untuk bidang pelajaran rakyat.

Seri Paduka Baginda Yang di-Pertuan Agong begitu mesra mendampingi rakyat jelata serta sentiasa membimbing rakyat ke arah jalan yang diredhai oleh Allah s.w.t.

Bagi kami rakyat yang duduk di negeri Sarawak merafak sembah supaya apabila ada kelapangan masa Seri Paduka Baginda mencemar duli melawat ke negeri Sarawak bagi memberi peluang kepada rakyat negara itu mempersembahkan taat setia yang sebenarnya secara lebih dekat lagi.

Pada akhirnya, kami berdoa kepada Allah s.w.t. semoga Seri Paduka Baginda Yang di-Pertuan Agong dan Raja Permaisuri Agong berada sentiasa di dalam perlindungan Allah sebagai lambang kedaulatan negara yang aman, makmur dan bahagia ini. Sekian, terima kasih.

*4.00 ptg.*

**Tuan D.P. Vijandran:** Tuan Yang di-Pertua, saya mengucapkan setinggi-tinggi terima kasih kerana diberi peluang kepada saya untuk membahaskan usul yang dibawa oleh Menteri di Jabatan Perdana Menteri, Yang Berhormat Datuk Dr. James Peter Ongkili seperti berikut:

Bahawa suatu ucapan setinggi-tinggi tahniah dan lafaz ikrar taat setia Dewan ini dipersembahkan kepada Duli Yang Maha Mulia Seri Paduka Baginda Al-Mutawakkil Alallah Sultan Iskandar atas pemilihan Baginda sebagai Yang di-Pertuan Agong Malaysia.

Duli Yang Maha Mulia Sultan Iskandar Shah telah ditabalkan sebagai Duli Yang Maha Mulia Yang di-

Pertuan Agong pada hari Khamis 15hb. November, 1984.

Tuan Yang di-Pertua, pertabalan Seri Paduka Baginda ini adalah merupakan satu peristiwa yang sangat-sangat bersejarah oleh kerana ia merupakan satu peristiwa dalam sistem demokrasi berparlimen dan Raja berperlembagaan yang kita sedang amalkan. Duli Yang Maha Mulia Seri Paduka Baginda yang adalah merupakan teras pemerintahan beraja di dalam sistem demokrasi berparlimen di negara Malaysia yang kita cintai ini.

Duli Yang Maha Mulia Seri Paduka Baginda Yang di-Pertuan Agong adalah dengan demikian menjadi lambang perpaduan dan tumpuan kasih dan taat setia rakyat jelata. Duli Yang Maha Mulia adalah seorang Raja yang berjiwa rakyat dan Baginda telah menunjukkan sikap dan perhatian yang berat dan serius kepada masalah kesejahteraan rakyat.

Bagi pihak parti MIC di dalam Dewan yang mulia ini khasnya rakyat Malaysia berketurunan India amnya, saya ingin melafazkan junjung kasih dan penghargaan yang setingginya kepada Duli Yang Maha Mulia Seri Paduka Baginda Yang di-Pertuan Agong dan Duli Yang Maha Mulia Raja Permaisuri Agong.

Tuan Yang di-Pertua, saya menyokong usul ini.

4.02 ptg.

**Tuan Alexander Y.L. Lee:** Tuan Yang di-Pertua, saya bangun untuk menyokong cadangan yang dibentangkan bagi pihak Yang Amat Berhormat Perdana Menteri oleh Yang Berhormat Datuk James P. Ongkili, Menteri Kehakiman dan Menteri di Jabatan Perdana Menteri.

Pertama sekali, saya ingin mengumumkan diri saya dengan ucapan oleh Yang Berhormat Dato Paul Leong Khee Seong, Timbalan Pengerusi parti Gerakan Rakyat Malaysia di Dewan

Rakyat apabila ia bersuara untuk menyokong cadangan ini. Saya juga ingin menyokong sepenuhnya di atas ucapan-ucapan rakan-rakan saya dalam Dewan yang mulia ini.

Tuan Yang di-Pertua, negara kita mempunyai satu sistem yang tiada bandingannya dalam dunia ini. Kita mempunyai Raja berperlembagaan di mana Raja kita bertakhta selama hanya 5 tahun dan seorang Raja yang baharu dilantik dari Raja-raja lain tiap-tiap 5 tahun. Sejak tahun 1957 kita telah mempunyai 7 Yang di-Pertuan Agong dan kita telah tunjukkan pada dunia kejayaan bentuk Raja berperlembagaan yang sedemikian. Yang di-Pertuan Agong-Yang di-Pertuan Agong kita yang lepas telah memerintah negara ini dengan penuh kemuliaan dan dengan sokongan rakyat. Baginda sekalian telah memimpin dengan arif dan telah menyempurnakan harapan rakyat. Baginda sekalian telah juga mewujudkan satu imej beraja dengan seluruh dunia yang sangat dihormati.

Tuan Yang di-Pertua, institusi beraja kini telah diwujudkan dengan kokoh dan ia menjadi salah satu asas rangka politik dan stabiliti kita. Untuk ini negara kita sangat terutang budi kepada Raja-raja kita yang terdahulu yang tidak hanya memerintah negara dengan penuh arif tetapi Baginda sekalian telah juga mewujudkan satu tradisi yang sungguh bernilai agar institusi beraja di Malaysia disanjung tinggi. Kita adalah yang tunggal di dalam dunia ini setiap 5 tahun salah seorang Raja kita akan diberi peluang untuk memerintah seluruh negara dan setelah tamat penggal Baginda akan terus memerintah negeri Baginda.

Adalah sedih bahawa 4 dari Agong-agong kita yang dahulu tidak lagi bersama kita tetapi kita masih mempunyai 3 Yang di-Pertuan Agong lagi yang masih memerintah negeri Baginda masing-masing, dan Baginda sekalian dapat memberi manfaat tentang pengalaman-pengalaman

kearifan Baginda-baginda di dalam Persidangan Raja-raja.

Tuan Yang di-Pertua, saya yakin bahawa Yang di-Pertuan Agong kita yang ke 8, Duli Yang Maha Mulia Seri Paduka Baginda Al-Mutawakkil Alallah Sultan Iskandar akan meneruskan tradisi yang ditetapkan oleh Baginda-baginda yang terdahulu. Baginda datang dari sebuah negeri yang kaya dengan sejarah dan tradisi. Baginda juga mempunyai Yang Amat Berhormat Perdana Menteri, Dato' Seri Dr. Mahathir bin Mohamad dan ahli-ahli Kabinet yang berpengalaman untuk menjalankan tugas Baginda dan untuk menasihati Baginda di atas perkara-perkara negeri. Baginda mempunyai sebuah Parlimen yang sepanjang 27 tahun kemerdekaan memahami sepenuhnya prinsip-prinsip Perlembagaan Beraja. Baginda mempunyai saudara Raja-raja yang dapat memberi segala nasihat dan pertunjuk yang Baginda mungkin mencari.

Akhir sekali, Baginda sendiri ialah seorang yang berkelibar, seorang yang bercampur dengan rakyat, seorang yang bersukan dengan aktif dan yang memelihara keperluan rakyat Baginda.

Tuan Yang di-Pertua, sebagai penutup ucapan saya, saya ingin menyokong dengan sepenuhnya cadangan yang dibuat bagi pihak Yang Amat Berhormat Perdana Menteri dan pihak Parti Gerakan, saya ingin mengucapkan setinggi-tinggi tahniah dan lafaz ikrar taat setia kepada Duli Yang Maha Seri Paduka Baginda Al-Mutawakkil Alallah Sultan Iskandar atas pemilihan Baginda menyandang jawatan Yang di-Pertuan Agong di Malaysia.

4.06 ptg.

**Tuan Paramjit Singh:** Tuan Yang di-Pertua, saya mengucapkan terima kasih kerana diberi peluang untuk menyokong usul yang dibawa oleh Yang Berhormat Datuk Dr. James Peter Ongkili, Menteri di Jabatan Perdana Menteri, yang berbunyi seperti berikut:

“Bahawa suatu ucapan setinggi-tinggi tahniah dan lafaz ikrar taat setia Dewan ini dipersembahkan kepada Duli Yang Maha Mulia Seri Paduka Baginda Al-Mutawakkil Alallah Sultan Iskandar atas pemilihan Baginda menyandang jawatan Yang di-Pertuan Agong Malaysia.”

Tuan Yang di-Pertua, saya suka bersekutu dengan rakan-rakan saya dengan apa yang dikatakan di Dewan yang mulia ini tentang Duli Yang Maha Mulia Seri Paduka Baginda Yang di-Pertuan Agong Malaysia. Peristiwa pertabalan ini adalah satu peristiwa yang bersejarah oleh seluruh rakyat Malaysia oleh kerana peristiwa ini menunjukkan sistem Parlimen yang mempunyai berperlembagaan di mana seorang Raja itu hendaklah dilantik pada tiap-tiap 5 tahun. Tuan Yang di-Pertua, Duli Yang Maha Mulia Seri Paduka Baginda Yang di-Pertuan Agong adalah seorang Raja yang berjiwa rakyat Baginda dan Raja Pemaisuri adalah sangat-sangat dikasihi oleh seluruh rakyat. Saya tertarik hati dengan sikap murah hati Baginda berdua yang mendermakan gaji dan elaun mereka. Mudah-mudahan lebih ramai Raja-raja kita yang akan mengikut tauladan Baginda. Pada masa pemerintah Barisan Nasional sekarang yang dipimpin oleh Yang Amat Berhormat Dato' Seri Dr Mahathir bin Mohamad pembangunan negara adalah diutamakan di samping meninggikan taraf hidup rakyat. Pimpinan Duli Yang Maha Mulia kepada Kerajaan Barisan Nasional yang dinamik sekarang akan membawa negara kita kepada satu tahap yang lebih tinggi di mana kita berharap rakyat kita akan menikmati taraf kehidupan yang tinggi selaras dengan konsep Dasar Ekonomi Baru.

Bagi pihak parti PPP dan saya sendiri, saya berdoa kepada Tuhan yang maha kaya supaya di dalam pemerintahan Duli Yang Maha Mulia Seri

Paduka Baginda Yang di-Pertuan Agong Malaysia akan bertambah maju dan makmur lagi.

Tuan Yang di-Pertua, saya menyokong usul ini.

*4.08 ptg.*

**Tuan Mohd. Yusoff bin Haji Md. Nor:**

Tuan Yang di-Pertua, saya ingin mengambil kesempatan ini untuk berucap pertama kali sebagai anggota Dewan Negara. Saya ingin mengambil bahagian di dalam menyokong usul yang telah dibawa oleh Yang Berhormat Menteri di Jabatan Perdana Menteri dan juga Menteri Kehakiman iaitu usul:

Bahawa suatu ucapan setinggi-tinggi tahniah dan lafaz ikrar taat setia Dewan ini dipersembahkan kepada Duli Yang Maha Mulia Seri Paduka Baginda Al-Mutawakkil Alallah Sultan Iskandar atas pemilihan Baginda menyandang jawatan Yang di-Pertuan Agong Malaysia.

Tuan Yang di-Pertua, saya rasa semua Ahli-ahli Dewan dan semua rakyat negara Malaysia ini menyokong ataupun bersetuju dengan saya kalau saya katakan bahawa negara kita Malaysia ini amat bertuah kerana telah mendapat seorang Raja yang begitu berminat kepada keselamatan, kesejahteraan dan kemakmuran rakyat negara ini sebagaimana yang telah ditunjukkan oleh Duli Yang Maha Mulia Sultan Iskandar sebagai Yang di-Pertuan Agong Yang Kelapan negara ini. Minat Baginda untuk kemakmuran dan kesejahteraan rakyat telah ditunjukkan oleh Baginda Yang di-Pertuan Agong di dalam keputusan Baginda dan keputusan Baginda Raja Permaisuri Agong untuk menyumbangkan segala pendapatan Baginda dan elaun Baginda yang sepatutnya boleh diterima sebagai Yang di-Pertuan Agong dan Raja Permaisuri Agong, untuk tujuan menubuhkan sebuah Yayasan untuk membolehkan scholarship dan sebagainya diberi kepada pelajar-pelajar

ataupun anak-anak daripada golongan-golongan yang perlu kepada bantuan untuk pelajaran mereka.

Tuan Yang di-Pertua, saya rasa atas pengalaman Baginda di dalam pentadbiran negeri sebagaimana yang telah dikatakan oleh Menteri tadi di dalam bidang pentadbiran negeri, di dalam ketenteraan dan juga di dalam bidang perdagangan dan perniagaan sudah tentu akan menolong dan membantu Baginda di dalam menjalankan tugas-tugas Baginda sebagai Yang di-Pertuan Agong iaitu Raja yang berperlembagaan di negara kita ini.

Sesungguhnya saya rasa dengan sifat-sifat ini akan membolehkan institusi Raja Berperlembagaan di negara ini kekal dan Raja-raja di negeri ini akan kekal di takhta untuk selama-lamanya.

Tuan Yang di-Pertua, saya bagi pihak diri sendiri dan juga bagi pihak Parti Berjasa, ingin mencatatkan sokongan saya dan Parti Berjasa kepada usul ini, semoga Tuhan lanjutkan usia Baginda.

*4.13 ptg.*

**Datuk Haji Mohd. Din bin Jaafar:**

Tuan Yang di-Pertua, saya bangun untuk menyokong ucapan daripada Yang Berhormat Menteri kehakiman dan juga Menteri di Jabatan Perdana Menteri, Datuk Dr. James P. Ongkili yang telah membentangkan usul Ucapan Tahniah dan Ikrar Taat Setia kepada Duli Yang Maha Mulia Seri Paduka Baginda Yang di-Pertuan Agong di Dewan Negara pada hari ini.

Sebagai seorang wakil dari Parti BERJAYA Sabah, saya ingin menyampaikan dan menyokong usul yang telah dibentangkan sebentar tadi iaitu dengan perlantikan Baginda sebagai Yang di-Pertuan Agong Yang Kelapan semoga pucuk pimpinan negara kita akan mendapat serba sedikit bimbingan daripada pengalaman-pengalaman yang ada pada Baginda sepertimana yang telah diterangkan dalam usul oleh Yang Berhormat

Menteri dan juga yang telah disokong oleh Timbalan Yang di-Pertua Dewan, Tan Sri Dato' Sulaiman Ninam Shah, sudah tentu sedikit sebanyak beliau lebih mengetahui tentang kebolehan Baginda semasa menjadi Sultan di negeri Johor.

Tambahan lagi Baginda telah dilantik sebagai Yang di-Pertuan Agong Yang Kelapan, sebagai rakyat Sabah dan keseluruhannya, kami berharap moga-moga Duli Yang Maha Mulia Seri Paduka Baginda Al-Mutawakkil Alallah Sultan Iskandar dan atas pemilihan Baginda sebagai Yang di-Pertuan Agong Malaysia ini akan dapat lagi membawa Malaysia ke mata antarabangsa supaya Malaysia lebih-lebih terkenal di mata dunia.

Kami berharap mudah-mudahan dengan pimpinan Baginda supaya keadaan ekonomi negara kita akan beransur-ansur pulih dan keharmonian rakyat di negara kita juga akan bertambah jernih. Begitulah harapan kami keseluruhan rakyat Malaysia di Sabah mengharapakan kepimpinan Baginda sebagai sebuah payung di negara ini dan rakyat di Sabah seterusnya menjunjung kasih ke atas kepimpinan dan kebijaksanaan Baginda dari semasa ke semasa selagi Baginda menjadi Yang di-Pertuan Agong Malaysia.

Sekian, terima kasih.

4.16 ptg.

**Tuan Hassan bin Nam:** Tuan Yang di-Pertua, saya bangun untuk turut serta menyokong usul yang dicadangkan oleh Yang amat Berhormat Perdana Menteri di Dewan Rakyat pada 16hb November, 1984 yang lalu yang mana baru dibentangkan oleh Yang Berhormat Menteri Kehakiman dan Menteri di Jabatan Perdana Menteri di Dewan yang mulia ini.

Tuan Yang di-Pertua, saya bagi pihak diri saya dan bagi pihak masyarakat

Orang Asli di Semenanjung memersembahkan ucapan setinggi-tinggi tahniah dan lafaz ikrar taat setia kepada Kebawah Duli Yang Maha Mulia Seri Paduka Baginda Al-Mutawakkil Alallah Sultan Iskandar atas pemilihan Baginda sebagai Yang di-Pertuan Agong Yang Kelapan bagi negara kita Malaysia.

Dengan terlaksananya upacara Istiadat Pertabalan Seri Paduka Baginda Yang di-Pertuan Agong dan Seri Paduka Baginda Raja Permaisuri Agong ini, kita telah dapat mengukuhkan lagi konsep dan institusi Raja Berperlembagaan yang melambangkan perpaduan dan keadilan yang mana sedia diterima oleh setiap lapisan rakyat tanpa mengira bangsa, agama, kepercayaan dan keturunan.

Bahawa kita bertuah kerana mendapat seorang Ketua Negara yang berkhemah tinggi serta mempunyai serba kebolehan, moga-moga kegigihan, kearifan dan kebijaksanaan serta pengalaman yang luas yang ada pada Duli Yang Maha Mulia Tuanku dapatlah Baginda memimpin rakyat ke arah kesejahteraan hidup dalam ertikata yang sebenar-benarnya.

Sebagai seorang Raja, Baginda telah menunjukkan minat yang tinggi terhadap kebajikan rakyat jelata yang meliputi berbagai aspek termasuklah pembangunan sosio-ekonomi, perkembangan jasmani dan rohani yang nyata terbukti apabila Baginda sendiri memberi perhatian peribadi dan terlibat secara aktif dalam sukan dan juga dalam bidang Agama Islam.

Tuan Yang di-Pertua, dengan ini Baginda adalah melambangkan keharmonian serta mewujudkan keamanan dan kemajuan yang berterusan di negara kita. Kita semua yakin bahawa dengan Pertabalan itu Kerajaan dan rakyat akan dapat meneruskan segala dasar, rancangan dan kemajuan yang masih sangat dikehendaki oleh rakyat jelata di seluruh negara kita ini.

Se kian, terima kasih, Tuan Yang di-Pertua. Dengan ini, saya menyokong usul tersebut.

**Tuan Yang di-Pertua:** Ahli-ahli Yang Berhormat, sekarang saya kemukakan masalah bagi diputuskan. Masalahnya ialah bahawa usul di atas nama Yang Berhormat Datuk Dr. James P. Ongkili yang berbunyi:

Bahawa suatu ucapan setinggi-tinggi tahniah dan lafaz ikrar taat setia Dewan ini dipersembahkan kepada Duli Yang Maha Mulia Seri Paduka Baginda Al-Mutawakkil Alallah Sultan Iskandar atas pemilihan Baginda menyandang jawatan Yang di-Pertuan Agong Malaysia.

Usul dikemuka bagi diputuskan, dan disetujui.

Diputuskan,

Bahawa suatu ucapan setinggi-tinggi tahniah dan lafaz ikrar taat setia Dewan ini dipersembahkan kepada Duli Yang Maha Mulia Seri Paduka Baginda Al-Mutawakkil Alallah Sultan Iskandar atas pemilihan Baginda menyandang jawatan Yang di-Pertuan Agong Malaysia.

## RANG UNDANG-UNDANG

### RANG UNDANG-UNDANG PERBEKALAN, 1985

#### Bacaan Kali Yang Kedua

4.22 ptg

**Menteri Kewangan (Tuan Daim Zainuddin):** Bismillahirrahmanir-rahim.

Tuan Yang di-Pertua, saya mohon mencadangkan supaya satu Rang Undang-undang bertajuk suatu Akta bagi menggunakan sejumlah wang daripada Kumpulan Wang Disatukan untuk perkhidmatan bagi 1985 dan bagi memperuntukkan wang itu untuk perkhidmatan bagi tahun itu dibacakan pada kali yang kedua.

Tuan Yang di-Pertua, sebelum memulakan perutusan, saya ingin mengambil peluang ini untuk menyampaikan setinggi penghargaan kepada bekas Menteri Kewangan. Beliau telah menguruskan ekonomi kita dengan jayanya selama menjadi Menteri Kewangan terutama sekali kebelakangan ini semasa dunia menghadapi kemelesetan ekonomi.

Ekonomi dunia pada tahun ini dijangka kukuh dan teguh berasaskan kepada pertumbuhan ekonomi yang baik di negara-negara perindustrian. Walau bagaimanapun, pada 1985 pertumbuhan ekonomi dunia dijangka perlahan sedikit. Ekonomi dunia yang semakin kukuh tahun ini telah memberi kesan yang baik kepada ekonomi Malaysia. Keluaran dalam negara kasar sebenar dijangka meningkat sebanyak 6.9% berbanding dengan 5.9% pada 1983. Prestasi ekonomi yang baik ini telah dicapai dalam suasana harga yang stabil.

Walaupun prestasi ekonomi pada tahun ini bertambah baik, imbalan pembayaran dan kewangan Kerajaan Persekutuan mestilah dikawal untuk menentukan ekonomi negara terus stabil pada masa hadapan. Oleh itu Belanjawan 1985 perlu meneruskan perlaksanaan dasar-dasar dan langkah-langkah bagi mengatasi beberapa masalah struktur ekonomi negara yang telah terjejas oleh kemelesetan ekonomi yang berpanjangan dan perdagangan dunia yang lembab. Strategi Belanjawan bagi tahun ini bertujuan untuk:

1. mengukuhkan imbalan pembayaran;
2. mengukuhkan kedudukan Belanjawan sektor awam dalam usaha mempertahankan pertumbuhan ekonomi yang berterusan dan kestabilan kewangan; dan
3. menggalakkan pertumbuhan sektor swasta.

Selaras dengan strategi Belanjawan ini, saya mencadangkan supaya perbelanjaan sebanyak \$29,191,000,000

diperuntukkan bagi tahun 1985. Peruntukan ini merupakan pertambahan sebanyak 5% dari jumlah peruntukan bagi Belanjawan 1984. Dari jumlah tersebut perbelanjaan mengurus Kerajaan Persekutuan adalah sebanyak \$21,538 juta atau 74% daripada jumlah perbelanjaan dan \$7,653 juta atau 26% adalah untuk perbelanjaan pembangunan. Bagi perbelanjaan pembangunan sebanyak \$4,562 juta atau 60% adalah diperuntukkan kepada sektor ekonomi; \$1,630,000 juta atau 21% kepada sektor sosial dan \$690 juta atau 9% kepada sektor keselamatan.

Langkah-langkah terperinci untuk Belanjawan tahun 1985 telah dibentangkan dalam Ucapan Belanjawan di Dewan Rakyat yang mana salinannya telah diedarkan kepada Ahli-ahli Yang Berhormat. Dengan itu tidak perlu lagi bagi saya menghuraikannya dengan panjang lebar.

Di antara cadangan yang telah dikemukakan ialah pengurangan yang besar dalam cukai pendapatan dan cukai harta pesaka. Saya sangat menghargai sokongan yang diberi oleh Ahli-ahli Dewan Rakyat dan sambutan yang baik dari orang ramai mengenai cadangan-cadangan cukai ini. Walau bagaimanapun Ahli-ahli Pembangkang seperti Ahli-ahli Yang Berhormat sedia maklum, akan menentang apa jua Kerajaan laksanakan. Mereka tidak menyokong potongan cukai ini. Sebagai membalas kritik mereka, saya telahpun membuat cadangan supaya potongan cukai ini dipulangkan balik kepada Kerajaan. Jika mereka berbuat demikian mereka akan dikenali sebagai orang yang mempunyai prinsip dan berpendirian tegas. Yang anihnya di khalayak ramai mereka menentang tetapi faedah daripada potongan cukai ini masuk ke dalam saku mereka.

Walaupun bagaimanapun, saya sedar bahawa ada beberapa aspek dalam cukai yang baru diperkenalkan yang perlu diperbaiki lagi seperti cukai

pemindahan saham ke atas syarikat-syarikat berasaskan tanah.

Di sini saya suka memberi jaminan bahawa cukai pemindahan saham ini akan ditadbirkan dengan adilnya. Sebagai Menteri Kewangan, saya diberi kuasa untuk mengecualikan pihak-pihak yang difikirkan patut diberi pengecualian. Berkaitan dengan ini, suka saya memaklumkan bahawa syarikat-syarikat berasaskan tanah yang menjualkan syernya dalam syarikat skim penyusunan semula bagi memenuhi keperluan Dasar Ekonomi Baru adalah layak untuk mendapat pengecualian cukai.

Saya juga ingin memaklumkan iaitu memandangkan kepada rayuan dan teguran orang ramai dan juga daripada Ahli-ahli Yang Berhormat bahawa kenaikan cukai jalan sebanyak \$5 setahun ke atas motosikal yang mempunyai kuasa enjin tidak lebih 75 c.c. telah membebankan golongan berpendapatan rendah, saya mencadangkan cukai jalan ke atas kelas motosikal tersebut diturunkan semula kepada kadar yang lama iaitu \$5 setahun. Pengurangan ini jelas menunjukkan bahawa Kerajaan sentiasa sensitif dan responsif kepada teguran dari rakyat.

Tuan Yang di-Pertua, saya juga ingin mengambil peluang ini untuk menjelaskan tentang dasar pemberian kontrak kepada bumiputra yang telah dipersoalkan akhir-akhir ini. Untuk makluman Ahli-ahli Yang Berhormat, Kerajaan telah menetapkan sekurang-kurangnya 30% daripada nilai kerja selain daripada kerja-kerja yang dijalankan sendiri oleh Jabatan Kerjaraya dan lain-lain Jabatan Persekutuan dan Negeri dikhaskan kepada kontraktor-kontraktor bumiputra untuk ditandingi di antara mereka sahaja. Kerja-kerja juga dijalankan berdasarkan jadual kadar dan nilainya tidak melebihi \$50,000 hendaklah dijalankan oleh kontraktor bumiputra sahaja. Sementara itu bagi kontraktor bekalan dan perkhidmatan pula, Kerajaan telah menetapkan supaya

keutamaan diberi kepada syarikat bumiputra bagi tawaran-tawaran yang nilainya tidak melebihi \$5 juta.

Untuk menentukan yang dasar ini mencapai matlamatnya, Kerajaan telah mengarahkan supaya setiap Kementerian, jabatan dan badan berkanun mengemukakan data perolehan mereka setiap tahun kepada Kementerian Kewangan untuk disemak dan dianalisis. Di samping itu juga, beberapa Kementerian tertentu telah menubuhkan unit khusus bersabit dengan penyertaan bumiputra dengan tujuan untuk menentukan supaya penyertaan syarikat bumiputra di bidang perolehan adalah memuaskan dan untuk membimbing syarikat bumiputra di bidang perdagangan dan perindustrian. Untuk memperkemaskan lagi usaha ini, Kerajaan telah memutuskan supaya pendaftaran pemborong-pemborong dipusatkan di Pusat SERENTI atau, dengan izin, One-Stop Agency. Sekarang semua pemborong kerja dikehendaki berdaftar dengan Pusat Penyelaras Khidmat Kontraktor-kontraktor bumiputra (Pusaka Bumi). Sementara pemborong-pemborong bekalan dan perkhidmatan dipusatkan pendaftarannya dengan Kementerian Kewangan sahaja.

Tuan Yang di-Pertua, sungguhpun kita perlu menghadkan perbelanjaan awam selaras dengan keupayaan kita untuk membiayainya, Kerajaan akan terus memberi keutamaan yang tinggi kepada pencapaian matlamat Dasar Ekonomi Baru. Projek-projek dan program-program untuk pembasmian kemiskinan dan penyusunan semula masyarakat akan terus dilaksanakan.

Oleh itu, peruntukan berjumlah \$2,811 juta adalah disediakan dalam Anggaran Perbelanjaan Pembangunan 1985 untuk melaksanakan projek-projek atau program-program bagi mencapai kedua-dua matlamat ini, iaitu \$2,190 juta untuk program-program pembasmian kemiskinan dan \$621 juta untuk penyusunan semula masyarakat. Peruntukan ini merupakan 37%

daripada jumlah peruntukan pembangunan bagi tahun 1985.

(Timbalan Yang di-Pertua *mempengerusikan Mesyuarat*)

Tuan Yang di-Pertua, akhir-akhir ini, kesatuan-kesatuan sekerja telah memohon kepada Kerajaan supaya menyemak semula gaji kakitangan awam. Bagi makluman Dewan yang mulia ini, perbelanjaan emolument bagi kakitangan Kerajaan Persekutuan bagi tahun 1985, dianggarkan berjumlah \$7.5 ribu juta iaitu lebih kurang 35% dari jumlah peruntukan Perbelanjaan Mengurus bagi tahun tersebut. Sekiranya gaji kakitangan Kerajaan dinaikkan, jumlah Perbelanjaan Mengurus sudah tentu melebihi anggaran hasil dan ini terpaksa dibiayai melalui pinjaman. Memandangkan kepada kedudukan kewangan sekarang, maka Kerajaan belum lagi bersedia untuk menyemak semula gaji kakitangan awam.

Tuan Yang di-Pertua, selain daripada itu, bayaran pencen semakin membebaskan negara. Jumlah pembayaran pencen dan ganjaran sektor awam bagi tahun 1984 ialah \$674 juta. Adalah dianggarkan perbelanjaan ini akan meningkat kepada \$797 juta pada tahun 1985. Dengan bertambahnya kakitangan Kerajaan yang bersara, perbelanjaan pencen akan meningkat lagi. Oleh itu, Kerajaan perlu mengkaji cara-cara bagi mengurangkan beban ini. Satu cadangan ialah menukarkan skim pencen yang ada sekarang kepada Skim Kumpulanwang Pekerja untuk kakitangan Kerajaan baru dan juga untuk kumpulan tertentu kakitangan Kerajaan yang sedang berkhidmat sekarang. Walau bagaimanapun cadangan ini memerlukan satu kajian yang mendalam sebelum dilaksanakan.

Sehubungan dengan ini, perlu saya tegaskan bahawa Kerajaan telah memberi subsidi yang besar kepada kakitangan awam melalui pinjaman perumahan dan pinjaman kenderaan.

Skim pinjaman perumahan Kerajaan dimulakan pada tahun 1970 dan sejak tahun tersebut hingga akhir bulan November, 1984, lebih kurang 132,000 pekerja Kerajaan telah menikmati kemudahan ini. Nilai pinjaman yang telah diberi bagi tempoh tersebut ialah \$6,200 juta. Beberapa syarat baru telah dikenakan pada tahun 1982, tetapi daripada angka-angka yang didapati bagi tahun 1984, jumlah permohonan pinjaman perumahan tidak berkurangan. Ini bermakna ramai kakitangan Kerajaan yang masih memerlukan kemudahan pinjaman perumahan.

Di sini saya ingin memaklumkan kepada Ahli-ahli Yang Berhormat bahawa Kerajaan telah memberi subsidi faedah berjumlah \$291 juta bagi tahun 1983 kepada pegawai-pegawai Kerajaan yang diberi pinjaman perumahan. Subsidi ini dijangka meningkat kepada \$350 juta dalam tahun 1985.

Selain dari itu, Kerajaan juga telah mengeluarkan subsidi kepada kakitangan awam untuk pinjaman membeli kereta. Ini semua jelas menunjukkan bahawa Kerajaan telah membelanjakan jumlah wang yang besar untuk faedah kakitangan awam.

Tuan Yang di-Pertua, Kerajaan akan terus mengambil langkah-langkah tertentu untuk meningkatkan kecekapan dalam perkhidmatan awam, sesuai dengan konsep Bersih, Cekap dan Amanah.

Kerajaan bercadang untuk mengambil tindakan tegas terhadap pegawai-pegawai yang tidak cekap dengan membersarakan mereka. Di bawah cadangan ini, pegawai-pegawai Kerajaan akan diberhentikan kiranya didapati tidak cekap menjalankan tugasnya. Pegawai-pegawai yang dibersarakan dengan cara ini akan kehilangan segala keistimewaan, kecuali hak pensen.

Selain dari itu, Kerajaan akan mengkaji secara menyeluruh kedudukan perjawatan perkhidmatan Kerajaan Pusat, Negeri, Badan-badan

Berkanun dan agensi-agensi Kerajaan yang lain. Jawatan-jawatan akan dikurangkan sekiranya didapati perlu. Pegawai-pegawai pengawal pula akan dipertanggungjawabkan bagi setiap ringgit yang dibelanjakan agar semua perbelanjaan Kerajaan adalah dilakukan bagi tujuan yang ditetapkan dan tidak berlaku pembaziran. Tindakan surcaj atau tatatertib akan dikenakan ke atas mana-mana pegawai Kerajaan tanpa mengira peringkat dan pangkat sekiranya mereka gagal melaksanakan tanggungjawab kewangannya yang menyebabkan berlakunya pembaziran atau kerugian.

Di samping itu, Kerajaan juga akan mengawasi perbelanjaan Agensi-agensi di Luar Belanjawan dengan lebih rapi. Perbelanjaan agensi-agensi ini akan dikesan, diperiksa dan dikawal dengan teliti supaya ianya adalah selaras dengan sumber-sumber kewangan yang ada. Tujuan utamanya ialah untuk memperkukuhkan kedudukan kewangan sektor awam dan imbalan pembayaran. Oleh yang demikian, perbelanjaan agensi-agensi tersebut akan dikurangkan sebanyak \$1.5 ribu juta kepada \$5.7 ribu juta pada tahun 1985.

Tuan Yang di-Pertua, sepertimana Ahli-ahli Yang Berhormat sedia maklum, Kerajaan berazam untuk mengurangkan peranan sektor awam dalam pembangunan negara. Sektor swasta diharap akan tampil ke hadapan menjadi penggerak utama kemajuan negara. Kerajaan telahpun mengadakan pelbagai galakan dalam bentuk bantuan kewangan, pengecualian atau perlindungan cukai dan menyediakan infrastruktur bagi sektor swasta berkecimpung dalam berbagai bidang ekonomi negara. Konsep "Persyarikatan Malaysia" dan "Penswastaan" adalah merupakan langkah yang berteraskan penyertaan sektor swasta yang lebih pada masa yang akan datang. Pihak swasta perlu sanggup untuk memainkan peranan melalui penanaman modal, mendapatkan pasaran di dalam dan

luar negeri dan seterusnya menggalakkan pertumbuhan ekonomi negara. Matlamat mencari keuntungan perlu diimbangi dengan tanggungjawab terhadap kebajikan rakyat. Saya berharap sektor swasta akan melaksanakan hasrat Kerajaan ini dengan penuh tanggungjawab bagi memesatkan pembangunan negara dan meningkatkan kecekapan dan mencapai daya persaingan yang lebih tinggi. Sehubungan dengan ini, saya berharap sektor swasta akan mengemukakan cadangan yang spesifik mengenai langkah-langkah yang boleh diambil oleh Kerajaan bagi menggalakkan lagi pelaburan swasta di negara ini.

Tuan Yang di-Pertua, akhbar-akhbar, pihak pembangkang dan beberapa pihak yang lain masih lagi membangkitkan isu BMF, walaupun pemimpin-pemimpin Kerajaan telah berkali-kali memberi jaminan bahawa tindakan tegas akan diambil terhadap mereka yang bersalah sekiranya ada bukti. Seperti Ahli-ahli Yang Berhormat sedia maklum, perkara ini telah dilaporkan kepada pihak Polis yang telahpun memulakan penyiasatan mereka. Oleh itu, saya ingin menyeru kepada semua pihak untuk membenarkan pihak Polis menjalankan tugas mereka tanpa gangguan.

Tuan Yang di-Pertua, dengan langkah-langkah yang dicadangkan dalam Belanjawan tahun 1985 dan dasar-dasar yang sedia ada, ekonomi Malaysia dijangka mencapai pertumbuhan yang kukuh tahun hadapan. KDNK sebenar dijangka meningkat sebanyak 6.7% dan kedudukan kewangan negara dijangka bertambah baik. Walau bagaimanapun, Kerajaan sedar bahawa prospek ekonomi antara-bangsa adalah kurang menggalakkan dan ini mungkin memberi kesan yang kurang baik kepada harga bahan-bahan mentah. Harga minyak petroleum mentah mungkin turun sedikit. Jika ini berlaku, pendapatan eksport dan hasil Kerajaan akan terjejas. Oleh itu, Kerajaan akan terus berwaspada dan akan mengawasi perkembangan ini

dengan rapi supaya kita dapat mengambil tindakan yang cepat jika keadaan memerlukan. Sehubungan dengan ini, Kerajaan akan mempercepatkan pelaksanaan projek gas supaya pergantungannya ke atas petroleum akan dapat dikurangkan.

Tuan Yang di-Pertua, tujuan utama pengurangan cukai atas mereka yang berpendapatan tinggi ialah untuk menggalakkan simpanan dan pelaburan serta meningkatkan daya pengeluaran. Saya berharap pengurangan ini tidak akan membawa kepada pertumbuhan dalam penggunaan, atau (dengan izin) "consumption" barang-barang import. Sebaliknya pengguna hendaklah lebih (dengan izin) "nationalistic" dan membeli barang-barang buatan Malaysia.

Tanggungjawab untuk memastikan bahawa ekonomi negara mencapai pertumbuhan yang kukuh tidaklah terletak kepada Kerajaan sahaja. Rakyat Malaysia dari segenap lapisan mestilah menanamkan semangat jimat cermat, meningkatkan pelaburan mereka dan berusaha dengan lebih gigih lagi untuk meninggikan lagi daya pengeluaran.

Di pihak Kerajaan, kita akan terus mempergiatkan usahanya dalam berbagai bidang demi kesejahteraan rakyat dan negara. Kerajaan akan juga terus memberikan keutamaan kepada pelaksanaan Dasar Ekonomi Baru, dengan memperuntukkan sejumlah besar perbelanjaan untuk projek-projek dan program-program pembasmian kemiskinan dan bagi mengembangkan lagi kemudahan-kemudahan infrastruktur negara. Kesemua ini akan memberi manfaat terutama sekali, kepada golongan yang berpendapatan rendah baik di kawasan luar bandar atau di bandar.

Tuan yang di-Pertua, ekonomi negara adalah ekonomi terbuka, oleh itu kita tidak dapat mengelakkan dari bencana kemelesatan ekonomi antara-bangsa. Bagaimanapun, dengan kerjasama yang lebih erat dan perpaduan semua rakyat Malaysia, insya Allah,

kita akan dapat membina ekonomi yang lebih kukuh dan dinamis. Saya yakin berdasarkan asas-asas yang telah kita bina dan sokongan dari semua pihak, kita akan dapat mencapai masa depan yang lebih makmur dan cemerlang bagi negara kita yang tercinta ini.

Tuan Yang di-Pertua, saya mohon mencadangkan.

**Menteri Kehakiman dan Menteri di Jabatan Perdana Menteri (Datuk Dr. James P. Ongkili):** Tuan Yang di-Pertua, saya mohon menyokong.

**Timbalan Yang di-Pertua:** Ahli-ahli Yang Berhormat, Rang Undang-undang ini telah dikemukakan oleh Menteri dan telah disokong, maka saya kemukakan untuk dibahas.

*4.41 ptg.*

**Tuan K. Kumaran:** Tuan Yang di-Pertua, saya bangun di Dewan yang mulia ini untuk menyokong Rang Undang-undang Perbekalan 1985 yang telah dibentangkan oleh Yang Berhormat Menteri Kewangan kita yang baru.

Sebelum memulakan ucapan, saya juga ingin mengambil peluang ini untuk menyampaikan setinggi-tinggi penghargaan kepada bekas Menteri Kewangan, Yang Berhormat Mulia Tengku Tan Sri Razaleigh yang telah menguruskan ekonomi kita dengan menghadapi kemelesatan ekonomi. Walaupun ini merupakan Belanjawan yang ulung bagi Menteri Kewangan kita yang baru ini, saya mengucapkan tahniah kepada Yang Berhormat Menteri atas langkah berani membentangkan Belanjawan yang tidak langsung membebaskan rakyat malah menguntungkan rakyat, terutama yang berpendapatan rendah dan sederhana. Belanjawan ini adalah satu Belanjawan yang berani, realistics, cheerful dan generous memandangkan suasana ekonomi antarabangsa yang rumit prospek ekonomi dunia serta kesannya

ke atas ekonomi Malaysia tidak begitu menggalakkan. Oleh yang demikian, segenap lapisan rakyat hendaklah menyokong langkah-langkah bijak yang diambil oleh Kerajaan untuk memperbaiki kedudukan kewangannya, terutama sekali dasar berjimat cermat supaya perbelanjaan dapat dikawal.

Tuan Yang di-Pertua, strategi Belanjawan untuk tahun 1985 adalah bertujuan mengukuhkan imbalan pembayaran, mengukuhkan kedudukan Belanjawan sektor awam dalam usaha mempertahankan pertumbuhan ekonomi yang berterusan dan kestabilan kewangan dan menggalakkan pertumbuhan sektor swasta. Untuk mengukuhkan imbalan pembayaran negara, beberapa langkah jangka panjang telah diumumkan. Saya mengalu-alukan langkah jangka panjang untuk mengawal perbelanjaan Kerajaan, akan tetapi saya berasa bimbang ke atas pinjaman yang makin bertambah diperolehi oleh Kerajaan dari luar negeri. Jika keadaan ini tidak terkawal, negara kita akan dibebankan dengan pembayaran faedah (debt servicing) yang paling teruk dan mustahil tidak lama lagi. Negara kita akan mengalami bencana kewangan yang paling teruk jika tindakan yang drastik tidak diambil dengan serta-merta. Keadaan ekonomi ini bertambah teruk dengan adanya beberapa penyelewengan dalam urusan fund Kerajaan dan harga yang rendah bagi barangan eksport utama negara ini dalam pasaran antarabangsa. Oleh yang demikian, saya menyokong langkah Kerajaan mengatasi masalah ini dengan mengambil langkah berjimat cermat dan mengawal ketat segala perbelanjaan.

Saya memahami dan bersetuju dengan pertambahan Perbelanjaan Mengurus sebanyak 13% dari Belanjawan 1984 untuk menampung kenaikan dalam perbelanjaan bayaran hutang negara dan menampung kenaikan biasa dalam gaji kakitangan, tetapi

saya tidak faham kenapakah Perbelanjaan Pembangunan harus dinaikkan beberapa peratus walaupun beberapa projek pembangunan diubahsuai, ditangguh dan kadangkala dibatalkan. Kerajaan harus mengenalpastikan sektor-sektor di mana terdapatnya perbelanjaan kelebihan dan memastikan perbelanjaan pembangunan dikekalkan pada tahap yang serendah-rendahnya yang boleh.

Tuan Yang di-Pertua, dalam aspek ini saya mengambil kesempatan memuji Yang Berhormat Menteri Kewangan ke atas langkah-langkah yang diambil untuk mengurangkan perbelanjaan Agensi-agensi Di Luar Belanjawan (Off-Budget Agencies) bagi tahun 1985. Walaupun Agensi-agensi Di Luar Belanjawan seperti Lembaga Letrik Negara, Telekom, Perbadanan Perusahaan Berat Malaysia (HICOM), Lembaga Lebuhraya Malaysia dan Perbadanan Perkapalan Malaysia adalah penting bagi pertumbuhan ekonomi Malaysia, peranan mereka patut dikaji semula. Dari segi aspek perbelanjaan dialami oleh agensi-agensi ini adakah perbelanjaan ini sejajar dengan aspirasi rakyat dan perbelanjaan ini 'justifiable'. Agensi-agensi ini didapati membelanjakan wang begitu besar tanpa sebarang kawalan, \$7.2 ribu juta dibelanjakan pada tahun 1984. Saya berharap Kerajaan akan mengkaji kemungkinan setiap agensi ini membentangkan Belanjawan mereka dan menjadi 'accountable' ke Majlis Parlimen yang mulia ini.

Saya juga menyambut baik hasrat Kerajaan menggalakkan Agensi-agensi Di Luar Belanjawan ini memberi perkhidmatannya melalui Dasar Penswastan melalui Persyarikatan Malaysia, akan tetapi kita harus berjaga-jaga Dasar Penswastan dan Persyarikatan Malaysia tidak menjejaskan pertumbuhan ekonomi dan mengkhawatirkan 'confident' para pelabur asing di negara ini. Ahli-ahli ekonomi meramalkan permintaan wang dalam ekonomi tempatan semasa penswastan akan

mengakibatkan kadar faedah bank yang tinggi. Oleh yang demikian, Kerajaan hendaklah mengambil langkah menggalakkan pelabur-pelabur asing melaburkan wang mereka di negara ini dengan memberi insentif-insentif yang 'competitive' berbanding dengan negara-negara lain yang membangun di rantau ini.

Suasana politik yang stabil juga menjadi satu faktor yang kukuh bagi menarik lebih banyak lagi pelabur-pelabur asing melabur di negara ini. Dalam aspek ini, saya mengalu-alukan perhatian yang diberi terhadap usaha membasmi kemiskinan dan menyusun semula masyarakat. Kita tetap yakin bahawa demokrasi politik tidak lengkap dan sempurna jika rakyat tidak menikmati demokrasi ekonomi dan Kerajaan telah berazam untuk memastikan setiap rakyat di negara ini hidup dengan lebih selesa dengan menjalankan tanggungjawabnya terhadap negara, keluarga dan agama. Akan tetapi, ada segolongan kecil rakyat di negara ini yang menjalankan kegiatan-kegiatan yang bertujuan menghasut rakyat supaya bangun menentang Kerajaan melalui kekerasan dan menjatuhkan Kerajaan yang dipilih oleh rakyat secara demokrasi ini, seperti yang terdapat dalam Kertas Putih yang dibentangkan oleh Yang Berhormat Menteri Dalam Negeri di Parlimen baru-baru ini. Tindak-tanduk golongan-golongan ini telah memberi peluang keemasan kepada Parti Komunis Malaya yang menjadi musuh utama masyarakat Malaysia meneruskan perjuangan mereka.

Saya mengambil kesempatan ini mengucapkan tahniah kepada Yang Berhormat Menteri Dalam Negeri yang mendedahkan niat buruk, jahat golongan-golongan ini. Saya bagi pihak rakyat keturunan India di negara ini dan khasnya MIC, memberi jaminan bahawa kami akan menyokong segala usaha Kerajaan membendung dan membanteras segala kegiatan golongan-golongan anasir-anasir ini dan rela

terkorban demi mempertahankan kemakmuran dan kesejahteraan negara ini serta memperkukuhkan ekonomi negara ini.

Parti Komunis Malaya sedang mencari jalan menembusi masyarakat untuk menjatuhkan Kerajaan ini secara halus dan sofistikated sekarang. Apa yang paling menyedihkan adalah golongan rakyat mahu tidak mahu tanpa menyedari membantu mereka dengan memecah-belahkan rakyat dengan menggunakan isu-isu sensitif keagamaan. Kerajaan hendaklah mengambil langkah-langkah yang lebih keras lagi untuk membanteras aktiviti-aktiviti mereka. Jika keadaan memerlukan Kerajaan hendaklah menggunakan Akta Keselamatan Dalam Negeri dengan lebih luas lagi supaya menjaga mereka. Jika tidak saya khuatir suasana ekonomi negara akan terancam akibat suasana politik yang tidak stabil.

Tuan Yang di-Pertua, semasa perbincangan Belanjawan 1985 ini saya ingin mengambil kesempatan ini mengucapkan tahniah dan syabas ke atas tugas-tugas yang dilaksanakan oleh Jawatankuasa Penyiasat Khas tentang skandal Bumiputra Malaysia Finance (BMF) yang diketuai oleh Juru Audit Negara, Tan Sri Ahmad Noordin. Walaupun laporan awal Jawatankuasa Penyiasat Khas ini tidak menjawab seluruh kekaburan yang menyelubungi peristiwa hitam dalam sejarah negara, laporan-laporan kedua dan laporan-laporan berikut yang disampaikan baru-baru ini telah dikenalpastikan beberapa penyelewengan dan telah mengesyorkan agar tindakan undang-undang diambil terhadap pengkhianat-pengkhianat negara ini. Pihak polis sedang menyiasat perkara ini dan Attorney-General telah memberi jaminan bahawa pihak yang bersalah akan didakwa. Saya mempunyai penuh keyakinan terhadap kewibawaan Attorney-General kita kerana sejarah telah membuktikan kepada rakyat beliau akan mendakwa sesiapa pun juga walaupun ia seorang Ahli Parlimen,

Menteri atau Menteri Besar. Saya berharap Attorney-General diberi 'a free hand' dalam perkara ini dan saya berharap Kerajaan akan memberi perlindungan yang secukupnya kepada pihak yang bertugas mendakwa pengkhianat-pengkhianat ini. Kita harus tidak melupai peristiwa pembunuhan Allahyarham Jalil seorang hero oleh kumpulan yang ingin peristiwa skandal BMF ini ditutup.

Saya juga mengucapkan tahniah kepada Menteri Kewangan dan Kerajaan yang telah memberi jaminan bahawa skandal BMF ini tidak akan disembunyikan dan dirahsiakan. Tindakan Polis sekarang mencerminkan sikap pimpinan yang ada sekarang. Saya berharap tindakan yang dikenakan nanti terhadap pengkhianat negara ini setimpal dengan jumlah dan penjenayah mereka itu. Mereka ini adalah lebih bahaya dari komunis.

Tuan Yang di-Pertua, satu lagi perkara yang saya ingin membawa ke perhatian Dewan yang mulia ini adalah berkenaan dengan tipu helah Vietnam dalam menyelesaikan masalah Kampuchea. Pada masa ini Vietnam menjadi satu ancaman yang besar bagi mengamalkan rantau ini sebagai satu zon aman, bebas dan berkecuali. Vietnam kini sudah mula mencero bohi Thailand dan tidak lama lagi mereka akan mencero bohi negara yang ku cintai ini. Oleh yang demikian saya menyokong penuh peruntukan perbelanjaan pembangunan sebanyak \$430 juta.

Vietnam mempunyai niat yang jahat dan telah menjadi alat boneka sebuah kuasa besar dalam permainan kuasa di rantau ini. Oleh yang demikian, Malaysia dengan lain-lain anggota ASEAN hendaklah menentang Vietnam sepenuh-penuhnya dengan memberi sokongan moral dan material kepada Kerajaan Campuran Demokratik Kampuchea yang diketahui oleh Putera Norodom Sihanouk. Vietnam

tidak langsung mempunyai niat menyelesaikan masalah Kampuchea secara perundingan. Cadangan-cadangan Vietnam bersedia ke meja perundingan hanya merupakan 'ploy' untuk mendapat simpati forum antarabangsa apabila ia bermesyuarat. Saya percaya Vietnam tak mungkin mencapai kemenangan tentera ke atas Demokratik Kampuchea. Oleh itu, tidak jelas yang lain lagi kecuali mendapatkan penyelesaian politik. ASEAN terutama sekali Malaysia hendaklah berusaha sesungguhnya mendapatkan pengunduran 180,000 askar Vietnam dari Kampuchea dan memberikan hak menentukan nasib sendiri kepada rakyat Kampuchea. Selepas itu Pasukan Pengaman Antarabangsa hendaklah dibentuk bagi memastikan kestabilan Kampuchea sehingga sebuah Kerajaan baru mengambil kuasa. Hanya dengan secara ini satu penyelesaian kepada masalah Kampuchea dapat diatasi. Jika tidak, saya khawatir Vietnam akan terus menanggung dalam air keruh untuk divert perhatian dunia terhadap kemuliaannya dari segi ekonomi negara itu.

Tuan Yang di-Pertua, saya juga berharap dan merayu Kerajaan mengambil langkah-langkah memberi beberapa pelepasan cukai kepada pelabur-pelabur asing untuk menjamin kaum antarabangsa bahawa negara ini adalah paling sesuai untuk melabur. Pelaburan dari negara asing adalah perlu bagi menjamin, membendung kadar faedah bank jika konsep penswastan dilaksanakan kelak.

Saya juga ingin menyentuh sedikit tentang penswastan perkhidmatan hospital yang telah diumumkan oleh Kerajaan baru-baru ini. Penswastan apa juga khidmat sosial seperti kesihatan, pendidikan dan sebagainya bermakna Kerajaan tidak lagi akan memberi bantuan kewangan untuk meneruskan khidmat kepada orang ramai. Apa yang berlaku ialah operasi ini akan dikendalikan sepenuhnya oleh sumber pendapatan khidmat itu sendiri. Oleh

kerana khidmat perubatan memakan belanja yang besar, sesiapa yang ingin mendapat rawatan terpaksa mengeluarkan wang yang agak tinggi. Bagi kalangan yang berada mereka tidak menghadapi masalah tetapi bagi golongan yang berpendapatan rendah pembayaran akan menjadi masalah. Golongan inilah yang amat bimbang dengan dasar Kerajaan menyestatkan perkhidmatan perubatan. Saya berharap mereka yang tidak berkemampuan akan cepat mendapat rawatan perubatan yang percuma di bawah langkah Kerajaan menswastakan hospital-hospital di negara ini. Saya berpendapat adalah wajar bagi Kerajaan mengambil langkah untuk memastikan bahawa khidmat terbaik perubatan juga dapat dinikmati oleh mereka yang tidak mampu. Saya berharap Kerajaan bertanggungjawab dan sensitif kepada keperluan-keperluan masyarakat keseluruhannya dan tidak hanya mengutamakan kepentingan sekumpulan elit seperti yang kerap terjadi di banyak negara membangun yang lain di dunia ini.

Tuan Yang di-Pertua, sebelum konsep penswastan hospital dilaksanakan dengan sepenuhnya saya ingin menarik perhatian Dewan yang mulia ini tentang hospital-hospital yang terdapat dalam ladang-ladang getah, keadaan fizikal serta perkhidmatan di hospital ladang-ladang getah ini adalah amat menyedihkan. Hospital-hospital ini bergerak tanpa sebarang kawalan profesional dan sering membahayakan kesihatan dan nyawa penduduk-penduduk di ladang. Oleh yang demikian, saya berharap Kerajaan juga akan mengambil langkah yang positif untuk mengawal perjalanan hospital-hospital ladang dan mengambil perkhidmatan perubatan ini di bawah naungan pentadbiran Hospital-hospital Daerah Kerajaan. Dengan cara ini saya yakin dan percaya Kerajaan akan menjalin suatu masyarakat yang sihat dan maju.

Tuan Yang di-Pertua, saya mengalu-alukan Kerajaan untuk menggalakkan

lagi industri pelancongan dengan memberi galakan cukai yang liberal kepada hotel-hotel kecil dan penghapusan sekatan ke atas nilai sesuatu unit cenderamata oleh seseorang yang membawa masuk cenderamata ke negara ini. Akan tetapi galakan cukai dan penghapusan sekatan nilai cenderamata sahaja tidak mencukupi menarik lebih banyak lagi pelancong ke negara ini. Apa yang penting adalah perkhidmatan yang mesra serta efisien di pintu masuk oleh pegawai-pegawai imigresen, Kastam dan lain-lain agensi kepada para pelancong ke negara ini. Pegawai-pegawai Kerajaan yang berkhidmat di pintu-pintu masuk hendaklah sentiasa sedia memberi bantuan agar lawatan para pelancong ke negara ini menjadi satu yang diidam-idamkan. Industri hotel hendaklah mengambil peluang galakan cukai ini dengan memberi perkhidmatan yang baik dengan kos yang rendah agar menarik lebih banyak lagi pelancong ke negara ini. Satu lagi aspek yang penting berkenaan dengan industri pelancongan adalah berkenaan dengan dasar imigresen negara kita. Kita harus mempunyai satu dasar imigresen yang tertentu dan menyeluruh bagi pelawat-pelawat dari semua negara.

Baru-baru ini Malaysia telah mengenakan visa bagi pelawat-pelawat India sebelum datang ke negara ini. Ini telah menyusahkan para pelawat-pelawat *bona fide* dari negara ini dan pelawat dari India ke Malaysia kini makin kurang. Perkara ini tidaklah sihat bagi industri pelancongan negara ini. Pihak imigresen mengenakan syarat visa ini mungkin kerana tindakan yang sama oleh India. Saya percaya keadaan di India semasa mengenakan syarat visa itu memerlukan negara itu bertindak demikian, tetapi saya berharap pihak imigresen janganlah bertindak secara "reciprocal" mengenakan syarat yang sama demi menjaga industri pelancongan kita. Ada kalanya visa yang diberi itu hanya bagi tempoh satu

minggu. Tempoh ini tidak mencukupi dan pelawat-pelawat mengalami kesulitan melanjutkan tempoh visa itu di negara ini. Oleh yang demikian, saya berharap pihak Imigresen akan mengkaji kemungkinan memberi visa sekurang-kurangnya selama 6 bulan kepada sesiapa yang ingin melawat Malaysia dengan tujuan dan niat yang suci dan baik.

Walaupun demikian, saya berharap pihak Imigresen akan menumpukan perhatian yang sepenuhnya dan selalu berada dalam keadaan berjaga-jaga agar anasir-anasir subversif tidak mencero bohi negara ini dengan bertopeng sebagai pelawat.

Tuan Yang di-Pertua, saya juga menyokong cadangan duti import ke atas kereta-kereta yang siap dipasang dan kereta-kereta yang belum siap dipasang dinaikkan sebagai satu langkah memperbaiki imbangan pembayaran negara di samping melindungi projek kereta nasional Malaysia. Kerjasama semua pihak adalah perlu bagi menjayakan industri projek kereta Malaysia itu. Seperti sedia maklum, projek kereta Malaysia itu diselenggarakan dengan sebuah syarikat Jepun sebagai joint-venture company. Saya benar-benar berharap expertise dan tenaga kemahiran yang di import itu lama kelamaan harus dipindahkan kepada pekerja-pekerja Malaysia.

Kita mengalami pengalaman yang pahit dalam "transfer of technology" ini di dalam beberapa projek yang diselenggarakan oleh syarikat-syarikat gergasi asing antarabangsa. Tidakkah ada sebarang pemindahan teknologi dilakukan dengan sebenarnya tetapi hanya disebut-sebut sahaja. Oleh yang demikian, saya mengesyorkan bahawa Kerajaan menubuhkan sebuah agensi untuk memastikan pemindahan teknologi ini dijalankan dengan teratur tanpa sebarang penyelewangan.

Untuk menjayakan projek kereta Malaysia, rakyat Malaysia hendaklah

digalakkan membeli 'Proton Saga' pengeluaran projek kereta nasional. Saya mengesyorkan kakitangan-kakitangan Kerajaan diberi pinjaman untuk membeli kereta 'Proton Saga' sahaja. Semasa penjajahan British di negara ini, mereka memaksa kakitangan-kakitangan Kerajaan semasa itu membeli hanya kereta-kereta buatan British. Jika begitu, apakah salahnya jika kita juga mengenakan syarat bahawa semua kakitangan Kerajaan harus membeli kereta Malaysia?

Saya berharap Kerajaan akan mengkaji kemungkinan ini agar kereta Malaysia dipasarkan seluas-luasnya demi menjaga kepentingan projek kereta Malaysia. Kerajaan juga harus mengkaji kemungkinan mencari pasaran bagi 'Proton Saga' di luar negeri. Pertanyaan-pertanyaan berkenaan dengan 'Proton Saga' dari luar negeri hendaklah di eksploitasikan dengan sepenuhnya untuk menembusi pasaran luar negeri. Kerajaan harus berusaha menembusi pasaran negara-negara yang sedang membangun dan negara-negara kecil yang mempunyai hubungan mesra dengan Malaysia seperti Maldivas, Fiji dan sebagainya. Dengan cara ini saya berharap projek kereta Malaysia akan berjaya.

Tuan Yang di-Pertua, peruntukan wang berjuta-juta ringgit untuk membuka tanah baharu dan membangun tanah-tanah yang sudah tersedia dengan tujuan membasmi kemiskinan adalah suatu langkah yang baik tetapi agensi-agensi yang mengendalikan program-program ini seperti FELDA dan FELCRA tidak menjalankan aktiviti-aktiviti dengan sempurna mengambil kira komposisi kaum di negara ini.

Beratus-ratus rakyat keturunan India yang dipanggil bertemuduga dan berjaya 12 tahun yang lalu iaitu pada tahun 1972 masih menunggu ditempatkan dari rancangan-rancangan FELDA walaupun beberapa projek baharu

dibuka. Perkara begini telah menimbulkan perasaan kurang senang di kalangan rakyat keturunan India lalu menyemaikan masalah polarisasi kaum. Untuk mengelakkan masalah polarisasi ini saya berharap rancangan-rancangan FELDA mengandungi rakyat dari segenap lapisan di negara ini.

Saya juga mengalu-alukan langkah Kerajaan untuk memberi infrastruktur dan kemudahan-kemudahan di kawasan luar bandar bukan tetapi apakah definasi luar bandar? Adakah ladang-ladang getah di kawasan-kawasan terpencil dimasukkan sebagai luar bandar? Jika ya, saya berharap sejumlah wang hendaklah diperuntukkan untuk memberi kemudahan-kemudahan dan infrastruktur seperti jalan kampung, bekalan elektrik dan air ke kawasan perumahan ladang-ladang getah walaupun ladang-ladang getah ini dimiliki oleh sektor swasta.

Tuan Yang di-Pertua, saya juga ingin menarik perhatian Dewan yang mulia ini ke atas paras kemiskinan yang tinggi di kalangan rakyat keturunan India di negara ini terutama sekali penduduk-penduduk di ladang-ladang getah. Seperti yang pernah saya menyarankan beberapa kali di Dewan yang mulia ini, industri getah di negara ini sedang mengalami beberapa kerumitan dan jika langkah-langkah tidak diambil dengan segera, saya khuatir industri getah di negara ini akan lumpuh. Jika ini berlaku ekonomi Malaysia juga turut terancam. Industri getah kini menghadapi kekurangan pekerja dan pekerja-pekerja haram digunakan untuk mengatasinya tetapi ini bukan satu solution yang jangka panjang. Sebagai satu langkah panjang Kerajaan hendaklah mengambil tindakan untuk mendapatkan gaji bulanan bagi pekerja-pekerja ladang untuk memastikan industri getah di negara ini terus menjadi "revenue earner" yang utama dengan meningkatkan lagi daya pengeluaran negara.

Gaji pekerja-pekerja ladang tidak berubah dan adalah 'stagnant'

walaupun 'productivity' seseorang pekerja meningkat dengan adanya cara penoreh yang saintifik dan pokok-pokok yang bermutu. Walaupun pekerja-pekerja ini menjadi "backbone" ekonomi negara ini 54% dari 250,000 pekerja ladang hidup di bawah paras kemiskinan. Jika gaji bulanan diberi kebanyakan pekerja akan dapat hidup dengan lebih selesa lagi. Walaupun pembayaran gaji bulanan melibatkan perbelanjaan yang lebih tinggi sedikit keuntungan yang diperolehi oleh majikan nescaya dapat menampung keperluan gaji bulanan ini.

Saya berpendapat pembayaran gaji bulanan dengan kenaikan gaji tahunan akan menggalakkan kesetiaan kepada majikan dan pekerja-pekerja tidak akan meninggalkan kerja "job hopping" dan pihak majikan juga mendapat satu tenaga yang stabil. Memandangkan hakikat-hakikat ini, saya berharap Kerajaan akan mengambil tindakan untuk memastikan gaji bulanan diberikan kepada pekerja-pekerja ladang.

Saya juga berharap Kerajaan akan menyusun semula struktur cukai dan strategi pemasaran getah dengan lebih kompetitif tanpa memberi peluang kepada majikan mengeksploitasikan pekerjaanya.

Tuan Yang di-Pertua, saya juga menyokong langkah Kerajaan peruntukan \$41 juta bagi pembinaan 685 bilik darjah bagi pelajaran rendah. Ini adalah satu langkah yang baik akan tetapi Kerajaan hendaklah memastikan pembinaan bilik darjah benar-benar dilakukan di tempat-tempat yang sangat-sangat diperlukan. Di kebanyakan tempat yang terpencil keadaan fizikal bilik darjah adalah amat mendukacitakan. Terdapat keadaan di mana 250 murid belajar dalam 3 buah bilik darjah. Keadaan begini tidaklah sesuai bagi pelajaran dan pembelajaran, lebih-lebih lagi dengan pelaksanaan Kurikulum Baru Sekolah Rendah (KBSR).

Di sini saya mengambil kesempatan mengucapkan tahniah dan syabas kepada Kementerian Pelajaran, khususnya guru-guru KBSR yang menunjukkan minat yang begitu baik dalam menjayakan KBSR - 95% murid telah menguasai kemahiran membaca, mengira dan menulis setelah berada satu tahun dalam kelas KBSR. Ini adalah satu kejayaan yang besar. Saya berharap minat dan dedikasi guru-guru KBSR akan terus mengembang. Syabas sekali lagi diucapkan kepada mereka.

Dalam pelaksanaan KBSR di sekolah-sekolah SK dan SRK pada tahun 1985, saya berharap langkah ini yang lebih positif akan diambil untuk memastikan bahasa ibunda akan diajar sewaktu sekolah. Provision hendaklah dibuat untuk menentukan bahasa ibunda menjadi sebahagian daripada matapelajaran jadual waktu semasa waktu pengajaran bahasa di sekolah. Ini adalah penting untuk menjaga sensitiviti rakyat keturunan India di negara ini terhadap pelajaran.

Tuan Yang di-Pertua, saya juga ingin menarik perhatian Dewan yang mulia ini berkenaan dengan kenaikan pangkat sekolah-sekolah Tamil. Baru-baru ini seorang guru yang berkelayakan ikhtisas latihan perguruan bahasa Inggeris dilantik menjadi guru besar di sekolah Tamil di Melaka. Ini adalah tidak adil. Bagaimanakah orang yang tidak langsung mempunyai pengetahuan latar belakang sekolah Tamil dapat mentabdir sebuah sekolah Tamil dengan jayanya?

Oleh yang demikian, saya berharap Kementerian Pelajaran akan hanya melantik guru-guru berkelayakan perguruan aliran Tamil sahaja dilantik menjadi guru besar di sekolah Tamil.

Tuan Yang di-Pertua, saya menyokong peruntukan berjumlah \$299 juta untuk projek-projek pelajaran tinggi termasuk Universiti Pertanian Malaysia, Cawangan Sarawak dan Universiti Utara Malaysia. Saya

berharap negeri Perak juga harus diberi peluang dalam rancangan penubuhan sebuah universiti negeri Perak yang mempunyai dan sedia memberi kemudahan untuk menubuhkan sebuah universiti.

Graduan-graduan daripada universiti-universiti tempatan kini menghadapi masalah Kerajaan kerana pembekuan kerja dan lain-lain constraint kewangan. Mereka terpaksa menganggur ataupun membuat kerja di mana kelayakan mereka lebih tinggi daripada yang dikehendaki. Ini adalah satu pembaziran tenaga pekerja.

Seramai 100 orang pegawai dari Kementerian Kebajikan Masyarakat telah menamatkan kursus sarjana muda dengan biasiswa Kementerian Kebajikan Masyarakat. Walaupun mereka lulus dalam tahun 1981 dengan mendapat ijazah tetapi mereka masih belum ditempatkan dalam jawatan sejajar dengan kelayakan mereka. Mereka kini membuat kerja yang lama. Mereka juga terikat dengan perjanjian berkhidmat dengan Kementerian Kebajikan. Mereka tidak juga dilepaskan berkhidmat dengan agensi-agensi Kerajaan yang lain. Perkara begini adalah jelas membuktikan pembaziran tenaga mahir dan kelemahan dalam sistem perancangan Kementerian. Peluang hendaklah diberi kepada pegawai-pegawai itu untuk berkhidmat di jabatan-jabatan lain di mana tenaga mereka lebih dihargai dan berguna.

Tuan Yang di-Pertua, saya mengalu-alukan pengecualian cukai bagi pendapatan royalti sebanyak \$2,000 dari terjemahan buku-buku atas permintaan Kementerian Pelajaran dan Jabatan Peguam Negara. Ini adalah satu langkah yang baik bagi memastikan buku-buku bernilai dapat dibaca dari segenap lapisan rakyat negara ini. Akan tetapi, Tuan Yang di-Pertua, saya ingin menarik perhatian Dewan yang mulia ini ke atas satu perkara yang amat mendukacitakan berkenaan dengan nilai-nilai buku yang terdapat di pasaran sekarang.

Saya ingin mendedahkan beberapa buku di Dewan yang mulia ini yang tidak langsung bermaruah dan bermilai yang dijual secara berleluasan di beberapa tempat. Buku-buku ini tidak langsung mempunyai nilai moral dan merupakan kebudayaan kuning semata-mata. Saya mohon izin, Tuan Yang di-Pertua, untuk memetik satu atau dua perkara daripada buku-buku itu untuk mencerminkan betapa rendahnya moral dalam buku-buku cerita itu:

“Masih keras lagi,” kata Liza sambil memegang zakar yang terpacak menungkat-angkasa”.

Saya berasa malu untuk menyebutkan perkataan-perkataan yang mengandungi dalam buku-buku itu yang bernama, saya boleh berikan butir-butirnya:-

Tajuk Buku: PENYERAHAN.

Penulis: Fara Effendi.

Penerbit: Mastika Enterprise, No. 50, Jalan SS 14/1, Subang Jaya, Selangor.

Muka surat: 55 dan 42.

Beginilah kotornya ayat-ayat dan perkataan dalam buku itu yang dijual seluas-luasnya dalam pasaran terbuka.

Saya sendiri berasa malu membacakannya. Lain-lain buku yang mengandungi nilai moral yang sama adalah:-

Nama Buku: KEASUHAN.

Penulis: Oleh Fara Effendi.

Buku yang Ketiga: Berbunga Di Mata, Berputik Di Hati.

Penulis: Oleh Ahmad Wahai.

Buku Keempat: RELAKANLAH

Ada lagi banyak buku yang serupa ini. Setiap buku itu mengandungi perkataan-perkataan lucah dan amat bahaya jika dibaca oleh murid-murid sekolah belasan tahun. Apa yang menyedihkan lagi adalah buku-buku ini dijual secara terang antara buku-buku panduan sekolah di mana murid-murid sekolah mengunjungi. Buku-buku itu

dijual di hadapan sebuah sekolah di sebuah kedai runcit dengan dipamirkan secara terang dan didapati di antara buku-buku persekolahan yang lain. Bayangkanlah perasaan kita jika sekiranya anak-anak kita yang masih dalam bangku sekolah membaca kria-kria yang 'filthy' ini.

Saya difahamkan buku-buku ini disebarkan seluas-luasnya di luar bandar dan dijual di kedai-kedai runcit. Strategi penerbit itu adalah untuk "capture market" luar bandar di mana murid-murid tidak mempunyai alternatif yang baik seperti kedai-kedai buku yang "established" atau perpustakaan untuk memilih dan membaca. Di luar bandar buku-buku beginilah menjadi bahan bacaan mereka.

Oleh yang demikian, saya merayu kepada Kementerian supaya memastikan setiap buku yang terbit hendaklah ditapis sebelum diedarkan untuk pembaca. Sebagai langkah serta merta, saya merayu kepada pihak Kementerian supaya mengharamkan buku-buku ini dan mengambil tindakan terhadap penerbit buku ini. Jika kawalan yang ketat dikenakan ke atas penerbit-penerbit, saya berpendapat kita akan menjalinkan sebuah negara yang bermaruah tinggi dan kawalan seperti ini juga akan memastikan perkataan-perkataan yang menyinggung perasaan kaum-kaum tertentu dapat dielakkan.

Di sini biarlah saya menyentuh sedikit tentang perkataan-perkataan yang terdapat di sebuah buku Panduan Bahasa Malaysia SPM yang menimbulkan perasaan marah rakyat keturunan India di negara ini.

Saya berharap penulis-penulis buku lebih berwaspada dan mengelakkan isu-isu yang mungkin menyinggung perasaan sesuatu kaum. Penulis-penulis buku harus menyedari hakikat buku ini dibaca oleh semua penuntut dari berbilang kaum di sebuah sekolah dan

golongan yang terlibat ini menjadi bahan sendiri. Keadaan ini adalah tidak baik dari segi perpaduan rakyat dan menggalakkan matlamat Kerajaan menyelesaikan masalah polarisasi kaum. Oleh itu saya berharap rakyat negara ini tidak akan menggunakan perkataan-perkataan yang akan menyinggung perasaan kaum minoriti ataupun kaum majoriti agar menjalin sebuah negara yang aman, bersatu padu dan bermuhibbah.

Tuan Yang di-Pertua, dengan kata-kata ini saya berharap ketahanan dan keutuhan ekonomi negara akan mencapai pertumbuhan yang lebih baik pada masa hadapan. Dengan sokongan penuh ke atas Belanjawan 1985 saya memohon menyokong. Sekian.

**Timbalan Yang di-Pertua:** Yang Berhormat Tuan Haji Latip bin Haji Dris.

5.22 *ptg.*

**Tuan Haji Latip bin Haji Dris:** Tuan Yang di-Pertua, saya bangun turut sama mengambil bahagian bagi membahaskan Rang Undang-undang Perbekalan 1985 yang dibentangkan oleh Yang Berhormat Menteri Kewangan sebentar tadi di dalam Dewan yang mulia ini. Ini juga bolehlah saya katakan bagi kali terakhir bagi saya berucap membahaskan Belanjawan Kerajaan Pusat selepas hampir 15 tahun menjadi Ahli Parlimen. Dengan kesempatan ini saya mengucapkan terima kasih kepada Tuan Yang di-Pertua memberi peluang kepada saya bercakap pada hari ini.

Bagi diri saya sangat terhutang budi khususnya kepada kakitangan Parlimen yang sentiasa yang memberi kerjasama yang baik selama saya menjadi Ahli Parlimen. Saya juga tidak lupa mengucapkan terima kasih kepada Kerajaan Negeri Sarawak dan Kerajaan Pusat memberi kepercayaan melantik saya sebagai Ahli Dewan yang mulia ini selama 6 tahun.

Tuan Yang di-Pertua, kepada saya Belanjawan tahun 1985 boleh disifatkan sebagai belanjawan mempergiatkan lagi keteguhan ekonomi negara disamping usaha memperbaiki keadaan rakyat yang kurang bernasib baik untuk menikmati sedikit sebanyak apa yang dirancang oleh Kerajaan, tidak kira di bandar, luar bandar dan di pendalaman di seluruh negara. Belanjawan 1985 ini berkebetulan berakhirnya tempoh masa Rancangan Malaysia Keempat selama lima tahun iaitu dari tahun 1981 - 1985. Di samping itu juga Dasar Ekonomi Baru berjalan rancak sebagai membuktikan cita-cita Kerajaan untuk memperbaiki keadaan rakyat di bidang ekonomi di seluruh negara, walaupun sekarang Dasar Ekonomi Baru banyak menimbulkan persoalan di kalangan rakyat. Adakah Dasar Ekonomi Baru ini boleh mencapai kejayaan mengikut angka-angka yang diharapkan oleh pihak Kerajaan apabila sampai tempoh masanya nanti. Jika cita-cita itu tidak boleh dicapai 100% apakah rancangan atau dasar baru Kerajaan untuk memperbaiki keadaan peri bumi di negara ini?

Tuan Yang di-Pertua, Belanjawan 1985 ini pada pandangan saya sebagai satu ujian untuk menentukan keteguhan agensi-agensi Kerajaan yang terlibat dalam bidang ekonomi di dalam berbagai bidang rancangan untuk meningkatkan lagi ekonomi negara yang banyak dengan sumber alam semula jadi seperti minyak, gas asli, bijih dan lain-lain lagi. Bagi negeri Sarawak walaupun salah sebuah negeri yang mengeluarkan minyak dan gas peruntukan untuk pembangunan bagi kepentingan rakyat negeri itu sangat terhad, lebih-lebih lagi di kawasan luar bandar dan desa, kerana hasil pendapatan negeri itu tidak mencukupi untuk belanja mengurus dan pembangunan negeri itu misalnya seperti Belanjawan Negara Sarawak 1985 ini. Oleh itu, saya yakin Kerajaan Pusat mengambil perhatian berat atas peruntukan kewangan pada tahun

hadapan supaya negeri Sarawak diberi peruntukan yang mencukupi bagi membiayai projek-projek yang sedang berjalan seperti jalanraya, jambatan, bekalan air bersih kepada daerah-daerah yang tertentu di masa kemarau dan jalan-jalan kampung di bawah pentadbiran Majlis-majlis Tempatan di daerah luar bandar yang tertentu tidak mencukupi peruntukan kewangan pada tiap-tiap tahun untuk memperbaiki apa yang sepatutnya.

Tuan Yang di-Pertua, masalah kaum tani, nelayan atau pekebun kecil adalah satu masalah rakyat luar bandar yang disifatkan sebagai golongan yang miskin tidak kira di Sarawak, Sabah, Utara Malaysia atau di Pantai Timur yang masih banyak lagi berharap segala bantuan daripada pihak Kerajaan untuk memperbaiki lagi keadaan hidup mereka. Dari itu, saya yakin pihak Kementerian yang berkenaan sentiasa mengambil perhatian dan berusaha sungguh-sungguh supaya keadaan mereka ini dapat ditingkatkan dari tahun ke setahun. Dari itu dengan wujudnya Dasar Pertanian Negara, kita berharap dapat mengubah keadaan kaum tani atau pekebun kecil mahu pun nelayan di seluruh negara. Apa yang kami harap misalnya negeri Sarawak masalah tanaman padi atau beras supaya mencukupi untuk keperluan negara itu sendiri, kerana negeri Sarawak mempunyai luas kawasan yang boleh dibuat sawah, tidak seperti keadaan sekarang ini masalah beras begitu banyak lagi bergantung kepada beras yang dibawa masuk daripada negara lain.

Saya yakin khususnya Kementerian Pertanian dapat mengkaji dan meneliti satu rancangan yang benar-benar boleh menjamin terutamanya seperti makanan utama rakyat iaitu beras mencukupi untuk keperluan negara ini, tidak lagi bergantung dengan membeli beras daripada negara lain. Manalah tahu satu hari nanti negara menjual beras kepada Malaysia sekarang dengan tiba-tiba tidak mahu menjual beras mereka kepada Malaysia. Di

itu semua sekali. Allahyarham Tun Razak mengadakan lawatan mengejut dan sehingga kepada zaman Dr. Mahathir ini pun, sehingga dia membuat lawatan mengejut ke Pantai Lido, di Tambak Johor, barulah sampah-sampah dan sampan-sampan yang tersadai pecah yang menyemakan mata dapat dibersihkan. Takkan di dalam zaman kita, kita kata Artika Khidmat Cemerlang, Kepimpinan Melalui Teladan, Penerapan Nilai-nilai Islam. Berapa lama Yang Amat Berhormat Perdana Menteri boleh membuat lawatan mengejut. Malu kita, sebab kalau dahulu baru-baru merdeka, orang-orang yang bekerja belum ada kelulusan sekolah tinggi, belum ada yang ijazahnya panjang-panjang. Sekarang ini semakin banyak orang ada ijazah panjang-panjang, makin banyak orang keluar sekolah tinggi, bangunan pejabat pencakar awan, pencakar langit itu tinggi sangatlah, kita lihat sahaja sekarang bangunan pencakar langit di Jalan Duta, bangunan pencakar langit di Jalan Gurney, bangunan pencakar langit di tengah-tengah bandaraya Kuala Lumpur. Dahulu mana ada. Kementerian Kewangan dahulu baru-baru merdeka masih pakai atap rembia dekat Jalan Broaderick, sekarang ini Jalan Raja Laut. Kenapa masa itu boleh terus buat kerja? Tidak ada sangkut-sangkut lagi? Ini, Tuan Yang di-Pertua, pada saya falsafah pembangunan, falsafah belanjawan, Yang Berhormat Menteri Kewangan menyebutkan angka-angka, kalau saya hendak ikut sama menyebutkan angka-angka yang dibentangkan dalam bidang ekonominya, dalam bidang sosialnya, dalam bidang perhubungannya, kemudahan awamnya, saya akan sebut satu persatu, setiap satu persatu ini saya akan sebut nanti, dan kita akan lihat di mana kelemahan-kelemahannya.

Di dalam Dewan yang mulia ini, Tuan Yang di-Pertua, kita akan bercakap mengenai dengan di mana kelambatan-kelambatan, di mana

kelemahan-kelemahan, di mana kita punya jentera yang kurang memainkan peranan yang cepat untuk rakyat.

Saya akan sebut satu persatu, Tuan Yang di-Pertua, mengikut angka-angka yang diperuntukkan ini, kerana angka-angka ini amat besar, kerana angka-angka ini amat banyak.

Tuan Yang di-Pertua, di dalam kita menyebut bahawa Belanjawan tahun 1985 adalah tahun terakhir Rancangan Malaysia Yang Keempat, saya minta kepada pihak-pihak yang berkenaan supaya di tahun akhir Rancangan Malaysia Yang Keempat, yang belanjawannya sedang kita bahaskan mulai hari ini, akan menjadi satu tujuan, akan menjadi satu matlamat bahawa Rancangan Malaysia Yang Keempat tidak akan gagal. Ini saya katakan falsafah Belanjawan Tahun 1985, kerana ini adalah tahun penamat kepada Rancangan Malaysia Yang Keempat.

Jika sekiranya Rancangan Malaysia Yang Keempat ini hubungannya dengan Belanjawan Tahun 1985 ini, jika Belanjawan Tahun 1985 ini menyebabkan kecacatan Rancangan Malaysia Yang Keempat, maka kita terpaksa nanti akan mencari di mana salah dan silap, mungkin kita akan mengadakan satu convention ekonomi pula, kita akan mengadakan Convention Ekonomi Bumiputera lagi misalnya, selain daripada diputuskan di dalam Perhimpunan Agung UMNO, kita akan adakan Convention Ekonomi Bumiputera, mengapa Rancangan Malaysia Yang Keempat di saat-saat tahun penghujung, di saat-saat tahun menerima hasil yang baik, tetapi mengapa kita tidak mencapai kepada matlamat sepenuhnya? Orang akan bertanya sampai bila kita akan mencapai ke matlamat sepenuhnya? Memang kita tidak akan mencapai kepada matlamat sepenuh selagi kita ini masih bernafas, apa lagi jika sekiranya kita menunggu kepada natijah ucapan Yang Amat Berhormat Perdana

Menteri dalam 100 tahun rakyat kita menjangkau ke angka 70 juta. Ini lagi perkembangan, ini lagi memerlukan kepada pengorbanan, ini akan memerlukan kepada daya fikiran yang lebih hebat, lebih besar menjelang kepada tahun-tahun yang akan datang.

Tuan Yang di-Pertua, di dalam kita membahaskan Anggaran Belanjawan Tahun 1985 ini juga, kita masih meneruskan Dasar Ekonomi Baru yang akan menentukan 30% di dalam bahagian-bahagian yang tertentunya kepada kaum bumiputera, dan Dasar Ekonomi Baru ini wujud dan lahir adalah hikmah daripada berlakunya peristiwa 13hb Mei, 1969, peristiwa berdarah. Maka ini saya katakan lagi sekali bahawa falsafah Anggaran Belanjawan ini perlu kita tekankan kepada masyarakat, kepada pentadbir, kepada pihak pelaksana, kepada pihak kakitangan kita ucapkan tahniah, kita ucapkan tahniah kepada pihak pentadbir, kepada pihak pelaksana, kepada kakitangan Kerajaan yang jumlahnya beratus ribu dalam negara kita yang turut sama melibatkan diri di dalam Rancangan-rancangan Kerajaan untuk memberikan sedikit sebanyak kemudahan-kemudahan asas, perubahan-perubahan hidup di dalam bidang ekonomi, sosial, pelajaran, kesihatan dan sebagainya.

Kepada Kakitangan-kakitangan pentadbir, pelaksana kita ucapkan kepada mereka supaya meneruskan lagi semangat gigih mengikut Etika Khidmat Cemerlang. Jadi kita tidak lari pula daripada semangat Pandang ke Timur, kerana sekarang ini kalau kita rajin, sungguhpun di Pejabat-pejabat Kerajaan setiap pintu ada kotak kad, tetapi kotak kad ini, Tuan Yang di-Pertua, tidak menjamin sepenuhnya bahawa masa bekerja itu 8 jam bagi setiap kakitangan. Jadi nanti kita akan mencari satu jalan lagi apakah ikhtiar di tahun-tahun yang akan datang untuk Khidmat Cemerlang ini lebih cemerlang lagi, kerana dengan adanya perakam waktu itu tidak menjamin kesempurnaan waktu.

Ini saya belum masuk di dalam penerapan nilai-nilai Islam di dalam pentadbiran, kerana apabila kita berjanji untuk bekerja 8 jam dan diberi masa kelonggaran untuk waktu minun, waktu rihat tengahari dan sebagainya dan kita tidak sempurnakan waktu 8 jam untuk bekerja itu, maka orang itu telah khianat kepada dirinya, khianat kepada negaranya, dan khianat kepada janjinya. Apabila dia mengkhianat, dia sudah menyeleweng, apabila dia menyeleweng, kalau dalam hukum dana hari ini dikatakan dia rasuah waktu, dia korup (corruption) waktu, 8 jam dia buat kerja, kalau dia buat kerja 5 jam pun sudah bagus, kalau satu jam satu fail, 5 jam 5 fail, 20 hari, 100 fail, satu tahun dia boleh siap berapa ribu fail, tetapi mengapa rakyat di luar bandar memohon sekeping geran Q.T dahulu hasil tanah T.O.L memakan masa 15 tahun? Ini terpaksa saya tekankan di sini Tuan Yang di-Pertua, rakyat di kampung dapat sekeping tanah T.O.L atau tanah pinggir, menunggu masa 15 ke 20 tahun, kadangkala telah meninggal tuan yang ampunya, tetapi geran sementara itu tidak kunjung sampai. Apakah Wakil Rakyat mesti tracing geran? Apakah Menteri Kemajuan Tanah yang mesti membuka peta tanah?

Di sini saya kata tadi siku-siku di mana yang berkarat. Ini berlaku di seluruh daerah dan kita telah diberi jaminan sewaktu kita membahaskan Kanun Tanah Negara bahawa setiap pemohon tanah akan diberi jaminan 6 bulan beres, 6 bulan akan beres, tetapi alhamdulillah 6 bulan setelah dimasukkan satu-satu permohonan Kad Putih jawapan mengatakan "surat tuan diterima" itupun belum tentu akan sampai kepada orang yang memohon. Mengapa ini berlaku? Kerana pada pandangan saya Etika Khidmat Cemerlang dan dengan adanya perakam waktu itu sahaja belum cukup dan apa lagi kalau sekarang ini suratkhbar pula memainkan peranan bahawa kakitangan Kerajaan kemungkinan akan menerima perubahan tanggaji dan ada pula Kesatuan

Sekerja menuntut elaun rumah, tidak memadai dengan Elaun Perkhidmat Awam yang ada sekarang ini.

Jadi, mereka bersembang masalah bila union akan buat tuntutan, bila kongres akan buat keputusan, bila akan adakan desak dan paling akhir, kalau perlu, kita mogok. Bukannya mogok membuat piket di depan pejabat, mogok tak usah lagi sokong Barisan Nasional. Ini, Tuan Yang di-Pertua, mogok istilah baru. Apabila membuat satu telahan akan mogok tidak menyokong parti Kerajaan, parti yang memerintah, ini bahaya yang amat besar. Kita kena lihat ini kerana sekarang ini kita tidak mudah seperti kita melaungkan merdeka kerana mahu merdeka, tidak mudah untuk kita mengumpulkan orang ramai untuk memberi sokongan kepada Kerajaan kerana sekarang ini kesemuanya bergantung kepada wang; ada projek, cawangan kuat; tak ada projek, cawangan bubar. Ini yang saya katakan falsafah Belanjawan.

Ini tidak boleh kita hendak salahkan kepada rakyat, ini kerana kita telah memanjakan selama ini, selama lebih kurang 10, 15 tahun ini kita telah membuka pintu yang begitu luas kepada rakyat kita, itu saya kata tadi, sekarang baru kita hendak tukar subsidi mandat, fikiran meminta. Mengapa dahulu, semasa 10 tahun dahulu sewaktu Allahyarham Tun Abdul Razak melaungkan gotong-royong ini dihidupkan balik, semangat gotong-royong, semangat datuk nenek kita, semangat Buku Hijau, tak tahu berapa tan baja dan benih yang dimport dari luar negeri supaya setiap orang akan bertanam sayur di keliling rumah masing-masing. Ini rancangan yang hangat-hangat tahi ayam. Sayangnya, benih yang hendak dihantarkan kepada orang supaya bertanam sayur tadi dimakan dek kulat, masih ada di setor Jabatan Pertanian. Ini berlaku semasa Allahyarham Tun Abdul Razak supaya orang semua tanam untuk cukup makan, tak usahlah beli cili ke pasar,

tak usahlah beli bayam sehelai dua ke pasar, tanam-tanam-tanam, elok kerana nanti rumah ada sebatas dua sayur-sayuran, 3 bulan lepas itu tak ada banjir, tak ada kemarau, semua pokok sapan sampah.

Yang Amat Berhormat Dato Musa melancarkan pula Buku Hijau di Negeri Sembilan. Saya pernah sebutkan dalam Dewan ini apakah ekoran daripada saranan Dato Musa di Negeri Sembilan, di Hari Peladang yang di buat di Negeri Sembilan supaya konsep Buku Hijau ini dihidupkan semula sehingga hari ini. Yang saya nampak sekarang ini rancangan Petani Bersepadu dan kita dapat tahu bahawa rancangan tani secara bersepadu ini juga tidak mendapat sambutan, mengapa? Ini dia apa yang tersimpol di dalam angka-angka yang ada dalam peruntukan Belanjawan Pengurusan dan Pembangunan. Kalau cuma minta diluluskan angka ini kita akan luluskan, kita akan luluskan dalam tempoh 2-3 minit tidak ada masalah, tetapi apabila kita merenung dan kita bertanggungjawab di sebalik kita meluluskan ini kita akan ditanya, setelah kita luluskan tahun 1984 punya dahulu hasilnya tidak mencapai kepada maksud yang sebenar. Untuk pengurusan, ya, sampai kepada maksud, tetapi untuk pembangunan perkembangan masyarakat tidak mencapai kepada maksud yang sebenar. Ini yang kita ingin tahu.

Jadi, dalam meneruskan Dasar Ekonomi Baru yang akan kita sambung pada tahun 1985 ini sebagai tahun akhir Rancangan Malaysia Keempat, kita masih dilanda lagi; betul falsafah mengatakan bahawa rasuah ini penyakit yang paling tua dalam dunia, tak ada satu negeri pun yang boleh menghapuskan rasuah dan dari zaman Rasulullah pun rasuah ini sudah ada, kalau tidak masakan Rasulullah meninggalkan pesan, maksud Hadis Nabi: "Pemberi dan Penerima rasuah di dalam Neraka". Ertinya, Rasulullah telah nampak 1400 tahun dahulu ini akan berlaku dalam masyarakat, akan berlaku dalam zaman umat yang kemudian.

Sampai kepada kita, kita pun kata ini penyakit masyarakat yang paling tua rasuah ini, susah hendak hapus.

TV pun buatlah iklan, "Tangan yang kotor boleh dibasuh, tangan yang berlumur dengan minyak boleh dicuci dengan sabun, ada tangan yang menghulûr, ada tangan yang menerima tetapi tangan yang berdosa ke penjara padahnya". Iklan yang begitu menjadi tiruan anak-anak, ini musim cuti sekolah kebetulan di depan rumah saya itu ada padang kanak-kanak, ini tempat anak-anak main, "tangan yang kotor boleh dicuci, tangan yang mencubit akan merasa sakit", kata dia.

Tuan Yang di-Pertua, masalah rasuah ini saya hendak sebut rasuah ini tidak akan habis, tetapi apakah Akta Rasuah kita itu tidak kuat, apakah gerakan Badan Pencegah Rasuah kita ini tidak kuat, tidak menyeluruh barangkali. Oleh kerana kita mengamalkan sistem Mahkamah Keadilan, si terdakwa akan didakwa kalau terbukti dakwaan sabit kesalahannya. Kalau dia boleh menapis dakwaan-dakwaan itu, maka dia lepas. Jadi, ini barangkali orang tidak takut dengan tuduhan rasuah, orang tidak takut dengan tuduhan-tuduhan seperti ini dan rasuah ini telahpun berlaku dari sekecil-kecil jawatan sehinggalah kepada sebesar-besar jawatan.

Saya merasa amat sukacita apabila Peguam Negara mengatakan dua orang Pegawai Polis daripada Bukit Aman menjalankan penyiasatan terhadap skandal BMF dan kita tak usah panjangkan itu, kita tunggu hasil siasatan kerana di situ katanya berbau rasuah. Saya pernah katakan dalam Dewan ini juga, Tuan Yang di-Pertua, dahulu orang perompak menggunakan keris-lembing, zaman kongsi gelap orang merompak, bakar rumah, bunuh orang; sekarang orang merompak menyamun menggunakan mata pena (fountain pen) sahaja; yang bawa pistol, revolver Browning, ini perompak yang datang sebagai pendatang haram. Saya terpaksa sebut. Pendatang haram yang

datang ke dalam negara kita daripada keliling negara kita ini menjadi masalah. Sungguhpun kita ada Perjanjian Medan, tetapi pendatang haram yang ada dalam negeri ini dari sekeliling, sama ada daripada timur-barat, utara-selatan menjadi masalah kepada kita.

Saya dapat meninjau kepada beberapa projek FELDA dan beberapa kawasan-kawasan khemah kayu-balak dalam negara kita ini di mana pendatang haram ini bekerja sebagai buruh, di mana di kawasan-kawasan pembinaan perumahan-perumahan juga ada pendatang-pendatang haram yang menjadi buruh binaan, mereka menjadi masalah di masyarakat sekeliling Mula-mula mereka datang sebagai anak dagang mohon belas kasihan, kali kedua mereka datang untuk menumpang diri, kali yang ketiga mereka datang untuk meminta sesuatu, kalau tidak terakbul mereka akan menggunakan ugutan dan ini telah berlaku di tempat saya, isteri kepada seorang di tempat saya telah dilarikan oleh pendatang haram. Isteri seorang jiran saya telah dilarikan oleh seorang pendatang haram dengan hikmah ubat guna-guna.

Tuan Yang di-Pertua, apakah ini kerana kelonggaran dan kelemahan kita kerana saya lihat daripada adanya pendatang-pendatang haram ini menimbulkan masalah. Dan baru-baru ini di TV kita juga ada menyiarkan kejadian-kejadian buruk yang semacam itu, maka saya berharap kepada pihak pentadbir, kepada Kerajaan, kepada pegawai-pegawai Kerajaan yang menjaga keselamatan negara dari segi ini supaya benar-benar memerhatikan kehadiran-kehadiran mereka.

Kita tahu kita kekurangan buruh, kita tahu kita kekurangan tenaga pekerja kerana kita masih membuka lagi rancangan-rancangan tanah FELDA, kita masih lagi mahu membina projek-projek perumahan yang sama ada pihak PKEN ataupun

pihak swasta yang memerlukan tenaga-tenaga pekerja tetapi apa yang menjadi masalah di hadapan kita ini pendatang-pendatang haram ini tidak ke semuanya datang ke mari dengan rela hati, ada sindiket, ada 'cukong' kata orang seberang, ada tengkolaknya, ada taukehnya yang tukang bawa masuk kerana mereka ini boleh dibayar dengan bayaran yang agak murah, yang lebih murah daripada buruh yang ada di dalam negara kita dan mereka ini dibiarkan hidup bebas di kawasan-kawasan ladang kayu balak, di kawasan projek perumahan dengan tidak ada lagi batal haram sehingga berlakulah pembunuhan di antara mereka sesama mereka kerana berebut seorang perempuan, ini sudah berlaku kerana sudah tidak ada sekatan-sekatan.

Tuan Yang di-Pertua, Belanjawan tahun 1985 ini jika saya katakan tadi adalah Belanjawan terakhir bagi Rancangan Malaysia Yang Keempat maka ini adalah masih merupakan lagi di dalam satu falsafah perjuangan kita yang masih jauh iaitu belanjawan mengisi kemerdekaan. Apa sebab kita hendak merdeka sangat dahulu? Setelah kita merdeka Yang Teramat Mulia Tunku Abdul Rahman Putra Al-Haj, bapa kemerdekaan kita mengatakan setelah kita merdeka kita akan mengisi kemerdekaan. Matlamat mengisi kemerdekaan ini untuk memberi kemakmuran, untuk memberi kenikmatan, untuk memberi perubahan hidup kepada rakyat, rakyat yang miskin, rakyat yang duduk jauh nun di pedalaman, untuk memberi pelajaran kepada rakyat, untuk mengubah kesihatan rakyat, untuk memajukan bidang pertanian rakyat seperti mana yang kita tahu bidang pertanian di dalam negara kita.

Apabila kita membuat Pertanyaan Mulut di dalam Dewan ini bahawa buah-buahan yang dibawa masuk daripada luar negeri setiap tahun sekian puluh juta nilainya, beras yang kita import bawa masuk daripada luar negeri sekian puluh juta nilai wangnya,

sedangkan kita sepatutnya dengan adanya Pusat Penyelidikan MARDI di Serdang, saya baca suratkhbar semalam, MARDI telah berjaya mencipta 17 atau 27 makanan-makanan daripada buah-buahan tempatan yang boleh tahan lama, tidak lapuk, tidak basi dan sebagainya. Tetapi petani bumiputera di kampung tanam jambu batu ketut. Ini pernah saya timbulkan dalam Dewan ini juga. Mengapa jambu batu di kampung ketut-ketut? Mangga yang ditanam di kampung ketut-ketut. Jadi jambu batu mana yang hendak diproses dijadikan minuman dalam kotak atau hendak dieksport ke luar negeri? Air mangga yang macam mana yang hendak diproses ini? Ini yang saya ingin tahu daripada pihak-pihak yang berkewajipan dalam hal ini. Jadi kalau maknanya kita boleh membuat air daripada jambu batu untuk dihantar ke luar negeri sebab barangkali kalau musim haji sahaja kalau 2 juta jemaah haji, kalau seorang minum dua kotak, satu hari 4 juta, kalau satu bulan berapa juta kotak. Boleh hantar lima enam kapal ke sana.

Dengar pula khabar mengatakan di Pelabuhan Pasir Gudang, Johor sudah ada pula satu kompeni bumiputera yang membuat air kotak hendak dihantar ke Mekah. Alhamdulillah, saya bangga dengan keadaan itu. Kalau kita minum air sihat di sana yang dua botol tiga rial, sampai masanya harga meningkat sampai lima rial, kalau air kotak kita jual 70 sen wang kita, saya rasa air kita boleh laku. Tetapi jambu mana yang hendak dibuat ini. Kalau Jabatan Pertanian ini adakah juruteknik Jabatan Pertanian ini yang betul-betul mahir mengenai masalah jambu batu. Ini yang saya tanya. Kalau tak ada jangan cakap masalah jambu batu hendak dijadikan projek besar-besaran. Sebab apa? Bila kita pergi ke Ipoh tengok jambu dua, tiga orang hamba-Allah, dia punya jambu batu sebesar kepala bayi. Satu kilo dua biji. Jadi nampaknya di sini saya terpaksa membuat satu masalah. Jadi apabila

sudah ada, saya minta maaf kepada Ahli-ahli Dewan yang bukan daripada bumiputera, apabila sudah ada orang lain tanam jambu yang satu kilo dua biji sedangkan jambu batu orang Melayu, bumiputera satu kilo 16 biji, sedangkan orang itu bertanam pula di pasir tandus, di tanah bekas lombong, sedangkan di kampung-kampung yang setiap mukim kita ini ada LPPnya, ada juruteknik pertaniannya, saya tak pernah nampak jambu batu di kampung yang boleh melawan. Ini dia. Jadi kita tidak mahu lembu punya susu, sapi punya nama.

Di tempat saya Kuala Langat, Tuan Yang di-Pertua, tidak ada tanah yang tumbuh lalang kerana manusia di Daerah Kuala Langat ini satu daerah yang kecil, manusianya padat di Daerah Kuala Langat ini, kononnya menjadi daerah contoh, daripada mana pelawat-pelawat luar negeri datang bawalah ke Kuala Langat, bawalah ke Kuala Langat. Yang sebenarnya di Kuala Langat ini sebelum ada Jabatan Pertanian pun kelapa di Kuala Langat, kopi di Kuala Langat itu subur-subur. Jabatan Pertanian di Kuala Langat tanam pokok rambutan tak berbuah, di tepi jalan. Tuan Yang di-Pertua kalau hendak pergi Morib boleh tengok, toleh sebelah kanan di sebelah Stadium Sultan Abdul Samad itu pokok rambutan yang ditanam oleh Jabatan Pertanian sudah lebih 20 tahun buahnya ketut-ketut. Tak boleh lawan rambutan Parit Bakar Muar, satu kilo lapan biji. Rambutan Muar tak boleh lawan. Ini ketut-ketut. Kenapa ini? Ini yang saya malu.

Kemudian satu masa dahulu di Kuala Langat ini heboh seluruh negara dengan satu jenis tanaman yang dikatakan buah susu, buah markisah yang kononnya kita ini semua besok akan ada projek, ada kilang markisah, minum markisah, kita punya halwa, kita punya margerin daripada buah markisah, sampai pokok markisah habis layu orang tak tanam pokok markisah, mesin yang hendak memproses itu tak sampai juga.

Kemudian baru-baru ini di Sungai Yu, Tanjong Karang melalui Jabatan yang ada hubungannya dengan tani dan ternakan. Bagi orang baka anak itik, suruh ternak itik sehinggakan pajak geran kepada bank, hutang, sampai masanya telur itik tak laku, makanan itik makin mahal. Mengapa ini berlaku? Tidakkah ini dikaji lebih dahulu?

Kemudian di tempat saya juga berlaku ini tembusu, lembu ternak susu, lembu susu, berilah ibu lembu yang boleh mengeluarkan susu. Apabila sudah mulai mengeluarkan susu sehingga bergelen-gelen, 'Landrover' Jabatan Haiwan yang kutip susu itu pula buat hal. Di satu tempat saya pernah melihat orang sudah sanggup untuk membuka satu projek tanaman sayur secara besar-besaran, pembajak atau traktor daripada LPP pula tidak sampai. Apabila sayur sudah keluar ditanam dengan usaha sendiri di kampung Indah di Kuala Langat, Ahli-ahli Yang Berhormat yang lain tahu kalau biasa mengikuti rancangan belia tani, di situ belia-beliannya bertanam kacang sayur. Sayur dan kacang daripada Kampung Indah orang tengah beli bawa ke Singapura.

Kemudian balik ke tempat saya sana juga di Kuala Langat, ada satu kilang FAMA yang membeli kopi, memproses kopi, membuat kopi serbuk. Jadi kerana ada orang lain membuat kopi serbuk kita pun buat kopi serbuk saya tidak nampak kemajuannya dan apabila orang sudah mula tanam semula kelapa, kelapa berbuah dengan lebat, buah banyak, FAMA buat pusat mengering kelapa, kelapa banyak terbakar, pula, habis hangus menjadi bara begitu sahaja.

Begitu jugalah dengan beberapa kilang-kilang getah MARDEC yang terbakar, apabila terbakar itu pula bukan melibatkan kelapa dan getah sahaja tetapi melibatkan buku-buku hutang dan resit-resit semua hilang.

Jadi ini juga termasuk—saya masih berlegar dalam rasuah tadi. Masih

berlegar di situ ertinya untuk menutup kelemahan-kelemahan ini jalan yang paling senang bakar, habis, buku hilang, resit hilang, soalan pun tidak timbul.

Tuan Yang di-Pertua, tanaman semula getah begitu juga. Mengapa Dato' Ahmad Arshad, orang kuat kita di Dewan Negara, Dewan Rakyat, Yang di-Pertua Persatuan Pekebun-pekebun Kecil Getah seluruh Semenanjung melaungkan sekian juta kebun-kebun getah kecil, orang-orang kampung yang gagal. Mengapa ini berlaku ada juga berlaku rasuah di situ. Ada main pakat di antara si penanam dengan pegawai luar RISDA ini. Jadi kesudahannya gagal projek itu. Ini kenyataan Yang Berbahagia Dato' Haji Ahmad Arshad, saya masih ingat sekian juta kebun pekebun-pekebun kecil getah yang ditanam semula tetapi tidak mencapai kepada maksud yang sebenar. Ini kalau ditengok di sini tanam semula pertanian ini peruntukannya banyak. Berjuta-juta jadi kita hendak tahu sebabnya yang menerima kesan dan akibat ini, Tuan Yang di-Pertua, orang kampung. Orang kampung yang taat kepada Kerajaan, orang kampung yang taat menyokong Kerajaan, orang kampung yang tidak banyak olah, orang kampung yang tidak banyak cerita.

Jadi sepatutnya kita memikirkan bahaya di tahun penghujung Rancangan Malaysia Yang Keempat ini kita meletakkan perasaan kasihan dan insaf kepada mereka.

Pemimpin-pemimpin yang di atas saya percaya kesedaran telah timbul sekarang ini untuk memperbaiki keadaan ini. Kemudian di dalam bab ekonomi, Perkara 3, Pembangunan Tanah ini diperuntukkan \$571.2 juta, bukan sedikit ini, itu anggaran pembangunan sahaja, anggaran mengurusnya \$239.3 juta bersamaan dengan \$2.8 juta dalam bidang ekonomi yang diperuntukkan dalam anggaran tahun 1985. Pembangunan tanah,

apabila kita sebut tanah kita tahu ini kuasa Kerajaan Negeri tetapi pembangunan tanah yang di sini tentulah pembangunan tanah yang ada kepentingan peringkat Persekutuan. Misalannya, saya kata ada satu rancangan FELCRA di satu tempat bernama Lubok Pahi, Telok Pahi di Negeri Pahang kosong, tidak ada peneroka FELCRA. Mengapa ini berlaku?

Berapa banyak duit sudah dikeluarkan di situ, berapa banyak wang sudah dicurah. Dalam perkara ekonomi mengenai parit dan taliair, ini bulan Disember dan bulan Januari mengikut ramalan kajicuaca hujan sampai bulan Mac. Saya terpaksa sebut parit dan taliair. Sebab setiap tahun apabila banjir, ingat parit sebu, ingatkan taliair sumbat. Yang jadi masalah hari ini, Tuan Yang di-Pertua, teknik membersihkan parit dan taliair tidak macam zaman dahulu. Zaman dahulu semasa sebelum merdeka. Kalau belum merdeka dahulu orang mencuci parit selain daripada menggunakan parang panjang, menggunakan cakar besi.

Barangkali orang muda sekarang tidak kenal cakar besi. Cakar besi ini kalau masukkan ke dalam taliair, rumput rampai yang ada itu dengan akar-akarnya naik. Jadi dalam masa 6, 7 bulan tidak akan hidup rumput benta ataupun kiambang di situ sebab dengan akar umbinya kita tarik. Sekarang ini orang mencuci parit hanya ditebas di atasnya. Dapat air berjalan sudah. Belum sampai masa 6 bulan yang sepatutnya setiap batang parit itu dicuci, dibersihkan dia sudah semak, sudah sendat. Dia mencuci dalam bulan 7 atau bulan 8 selepas ada peruntukan dan ini bergantung kepada peruntukan yang diluluskan oleh Wakil Rakyat. Sebab waran sampai bulan 4 ke daerah-daerah, bulan 7 dan bulan 8 baru berindent kepada JKK, JKK dapat bulan 8, bulan 9 baru ditebas, tebas atas sahaja. Ini bulan 12 hendak menampung air hujan ini parit sudah sebu balik semula. Hujan dua jam banjir

kilat, setengah tempat yang rendah bukan banjir kilat, banjir melempah terus.

Kita pun buatlah ramalan ini kerana bukit-bukit dan tanah-tanah tinggi sudah habis, sudah tidak ada pokok-pokok buat projek perumahan, air tidak resap lagi semua lekas turun ke bawah. Itu ramalan manusia tetapi dia tidak cakap pula masalah cara mencuci tadi air itu tidak betul. Rumah makin banyak, bangunan makin banyak tetapi parit dan longkangnya sebesar itu juga. Parit simennya sebesar itu juga macam mana hendak menampung buangan air dan setengah-setengah sungai ini memang tidak ada sungai yang dicuci, mana ada sungai yang dicuci. Saya hendak tengok kalau ada sungai yang dicuci. Saya tahu di Johor di Batu Pahat, Seri Medan, Tuan Yang di-Pertua, tahu kerana kawasan pilihan-raya Tuan Yang di-Pertua dahulu. Cuci-cuci mana ada pokok pedada yang tombang sampai sekarang pun masih macam itu juga, sungai tohor. Air tidak

mengalir, hujan dua hari, dua malam banjir Seri Medan. Berkejar Sultan Johor kita Al-Mutawakkil Alallah masa itu, masuk kampung, sengseng seluar melihat rakyat kebanjiran . . .

**Timbalan Yang di-Pertua:** Yang Berhormat, panjangkah lagi hendak berucap?

**Tuan Haji Shahrom bin Haji Maasom:** Tuan Yang di-Pertua, kalau dibolehkan insya Allah, panjang lagi. Saya belum sampai kepada angka satu-satu.

**Timbalan Yang di-Pertua:** Masa telah cukup, Yang Berhormat boleh menyambung ucapan pada hari esok.

**Tuan Haji Shahrom bin Haji Maasom:** Terima kasih.

**Timbalan Yang di-Pertua:** Ahli-ahli Yang Berhormat, Mesyuarat ditangguhkan sekarang sehingga pukul 2.30 petang esok 4hb. Disember 1984.

*Dewan ditangguhkan pada pukul 6.30 petang.*